

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 131 ● 3 - 9 SEPTEMBER 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



SHAHIDAN dan Timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias clock in di Kementerian Wilayah Persekutuan selepas Istiadat Angkat Sumpah pada 30 Ogos lalu sambil disaksikan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Rosida Jaafar. Hadir sama (dua dari kanan), isteri Menteri Wilayah Persekutuan, Datin Seri Shamsiah M Yassin. Foto Adib Zailani

100 hari Shahidan fokus kebajikan rakyat WP

MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berikrar memberi perkhidmatan cemerlang kepada warganya dengan mewujudkan peluang pekerjaan dalam tempoh 100 hari menyandang jawatan.

Malah, ikrar yang dilafazkan sejurus 'clock-in' pertamanya di

Kementerian Wilayah Persekutuan pada 30 Ogos lalu adalah untuk meneruskan dasar sedia ada demi kepentingan rakyat khususnya mereka yang terkesan wabak.

Beliau juga menyuarakan hasrat untuk menambah baik usaha dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat serta pembangunan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Pendekatan saya ialah biar pembangunan tidak mengganggu keselesaan yang dinikmati rakyat sekarang."

"Perkhidmatan perlu diperbaiki secara berfasa asalkan hak keselesaan itu tidak hilang," katanya selepas melakukan lawatan lapangan di sekitar Putrajaya pada Selasa.

Menyusuri hasrat yang disuarakannya itu, ia sekali gus dilihat dapat membuktikan pencapaian awal kementerian yang baharu diterajuinya, seperti ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini.

LAGI BERITA DI MUKA 3



12,201 bendera di tengah Dataran Merdeka

>> 4

Artis popular luah erti merdeka di Kasih Merdeka@ GrandSeasons >> 14



Hukum isteri mengambil vaksin tetapi dilarang oleh suami >> 20



Kes Taman Rimba Kiara: DBKL, tiga lain dibenarkan merayu

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan tiga lagi memperoleh kebenaran untuk meneruskan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang membatalkan perintah pembangunan projek perumahan Taman Rimba Kiara.

Ini susulan keputusan sebanyak panel tiga hakim Mahkamah Persekutuan yang diketuai Hakim Besar Malaya Tan Sri Azahar Mohamed yang membenarkan rayuan DBKL, Memang Perkasa Sdn Bhd, Yayasan Wilayah Persekutuan dan Persatuan Penduduk Perumahan Awam Bukit Kiara.

Dalam penghakimannya, Azahar berkata persoalan undang-undang berkaitan *'locus standi'* (kedudukan di sisi perundangan), kesan Pelan Struktur KL, tanggungjawab untuk memberikan penjelasan serta konflik kepentingan adalah isu penting yang perlu dibahas dan keputusan Mahkamah Persekutuan berhubung perkara itu akan memanfaatkan orang awam.

Turut bersidang Puan Sri Zaleha Yusof dan Datuk Rhodzariah Bujang.

Pada 27 Jan lepas, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan diketuai Datuk Mary Lim Thiam Suan (kini Hakim Mahkamah Persekutuan) telah membatalkan perintah pembangunan yang dikeluarkan oleh DBKL bagi tujuan pembangunan projek perumahan di Taman Rimba Kiara.

Mahkamah Rayuan telah mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi pada 28 November 2018 yang menolak semakan kehakiman oleh penduduk bagi membatalkan kebenaran perancangan bersyarat dan perintah pembangunan dikeluarkan DBKL.

Penduduk memfailkan semakan kehakiman



PENDUDUK rumah panjang di Taman Rimba Kiara berharap keadaan penempatan mereka dapat dipertingkatkan sejak pembangunan mampan di Kuala Lumpur.

itu pada 11 Ogos 2017 melalui badan pengurusan Trellises Apartment, Kiara Green Townhouse, Residence Condominium, TTDI Plaza Condominium, The Greens Condominium, selain Persatuan Penduduk TTDI serta empat penduduk dan pemilik rumah di TTDI.

Mereka menamakan DBKL, Yayasan Wilayah, MPSB dan Persatuan Penduduk Perumahan Awam Bukit Kiara sebagai responden dalam semakan kehakiman itu.

Penduduk memohon perintah *certiorari* bagi membatalkan keputusan DBKL berhubung cadangan pembangunan bercampur termasuk sebuah pangsapuri 29 tingkat membabitkan 350 unit mampu milik dan lapan blok pang-

sapuri perkhidmatan dengan lapan tingkat ruang parkir.

Mereka mendakwa tanah seluas 10.08 hektar di Taman Rimba Kiara adalah taman awam yang terletak antara TTDI dan Bukit Kiara serta kawasan hijau bagi Kuala Lumpur.

Pada prosiding pada Rabu, yang berlangsung secara maya, Mahkamah Persekutuan mendengar hujah peguam B. Thangaraj bagi pihak DBKL, Datuk Seri Gopal Sri Ram (Memang Perkasa), Tan Sri Cecil Abraham (Yayasan Wilayah Persekutuan), Datuk Harpal Singh Grewal (Persatuan Penduduk Perumahan Awam Bukit Kiara) dan Datuk Dr Gurdial Singh Nijar yang mewakili penduduk terbabit. - BERNAMA

Lanjut parking percuma, berita gembira untuk warga kota

DEWAH Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melanjutkan pengecualian bayaran tempat letak kenderaan di bawah seliaannya, sehingga 30 September ini atas persetujuan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya amat peduli dan prihatin dengan kesukaran yang dihadapi warga kota akibat penularan pandemik COVID-19 yang masih melanda negara.

"Pelbagai kemudahan dan insentif telah disediakan DBKL kepada warga kota termasuk pengecualian bayaran tempat letak kereta di bawah seliaan bermula 2 Julai hingga 31 Ogos lalu.

"Pengecualian ini melibatkan

sejumlah 61,000 petak tempat letak kereta di Kuala Lumpur. DBKL berharap dengan lanjutan insentif ini akan dapat membantu mengurangkan sedikit bebanan yang dihadapi warga kota," katanya.

W.K

Hari Kebangsaan tetap dirai walaupun tanpa sambutan

JIWA MERDEKA. Tanggal 31 Ogos 2021, genap 64 tahun negara Malaysia bebas daripada cengkaman penjajah sekali gus mencatat sejarah semangat perjuangan masyarakat yang tidak pernah padam.

Lebih enam dekad berlalu, semangat patriotik tersebut kekal tersemat dalam jiwa setiap masyarakat Malaysia tidak kira bangsa, umur maupun agama. Mereka setia meraikannya dengan cara masing-masing.

Biarpun hampir dua tahun tanah air tercinta dilanda virus COVID-19, namun ia tidak sedikitpun melunturkan semangat untuk menunjukkan rasa cinta kepada Malaysia. Malah perjuangan rakyat memerdekakan negara daripada cengkaman virus tersebut juga membuktikan semangat kecintaan yang tidak padam.



Reaksi sambutan kemerdekaan Keluarga Malaysia



“FRASA keluarga Malaysia membuktikan Perdana Menteri ingin lebih dekat dengan rakyat Malaysia serta mengajak untuk terus bersatu padu dan tidak pentingkan diri dalam memerangi pandemik sebagai contoh Wilayah Persekutuan berjaya mencapai imuniti kelompok dengan sikap tanggungjawab serta tidak pentingkan diri yang diterap dalam diri mereka.”

Fatin Noor Syahirah Hussin, 35
Pegawai media



“KESERONOKAN menyambut Hari Kebangsaan kali ini amat berbeza dengan sebelumnya dan pengenalan frasa keluarga Malaysia menarik perhatian saya kerana ia mengajak rakyat Malaysia tidak kira perbezaan warna, bangsa dan agama untuk menghargai persamaan ketepikan perbezaan demi membina semula negara Malaysia dan menyelesaikan masalah pandemik COVID-19.”

Chung Fui Theng, 23
Graduan



“SAMBUTAN kemerdekaan kali ini hanya disambut di rumah namun cukup membuat kami gembira dan berkait dengan keluarga Malaysia, ia adalah suatu pendekatan yang bagus kerana ia dapat memupuk semangat kekitaan antara seluruh rakyat Malaysia tanpa kira bangsa atau agama.”

Areesya Khalim, 23
Graduan



“MENGANTUNG bendera Malaysia di halaman rumah antara persiapan yang akan saya lakukan setiap tahun dan fahaman saya tentang keluarga Malaysia, ia bermaksud semua rakyat Malaysia perlu bersatu padu mengira kaum, agama serta titik ideologi yang berbeza atas nama bangsa Malaysia dan perlu bersatu atas dasar bersatu hati, bukan kepada penyelewengan untuk memanipulasi konteks makna 'Keluarga Malaysia'.”

Emi Marlinda Abdul Razak, 23
Pentadbiran kewangan zakat



“ISTILAH keluarga Malaysia yang dibawa Perdana Menteri adalah sesuatu yang baik, saya yakin rakyat Malaysia boleh dan sanggup menjayakan 'keluarga Malaysia' ini namun ia perlu disertakan dengan program-program yang bersesuaian agar warga kota dapat memahami konsep sebenar istilah tersebut dan boleh menjadi zaman 60-an, 70-an yang berjaya membawa rakyat berbilang bangsa ini bersatu sebagai sebuah keluarga Malaysia sebagai rujukan.”

Richardson D'Cruz, 54
Eksekutif gudang



“SAYA percaya frasa keluarga Malaysia itu membawa maksud seluruh rakyat Malaysia diibaratkan sebagai sebuah keluarga yang akan sentiasa saling membantu tanpa mengira bangsa dan bersama-sama dalam memastikan kita menang melawan pandemik ini dan sempena Hari Kebangsaan kali ini saya harap rakyat Malaysia akan terus bersatu dan harmoni.”

Amanjot Singh, 22
Sukarelawan



Shahidan otai terbaik terajui Wilayah Persekutuan

BERPENGALAMAN luas dalam pentadbiran kerajaan, pelantikan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim sebagai Menteri Wilayah Persekutuan amatlah bertepatan dengan situasi negara masa ini yang memerlukan sentuhan 'otai'.

Beliau juga berkelulusan Doktor Falsafah dari Universiti Utara Malaysia (UUM).

Menyoroti sosok tokoh yang berasal dari Tambun Tulang, Perlis ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Menteri Besar Perlis pada tahun 1995 hingga 2008 dan kemudiannya diangkat sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2013 hingga 2018.

Pengalaman pentadbiran kerajaan yang luas dan jitu, pastinya ia menjadi satu kelebihan kepada beliau untuk memacu pembangunan

dan kesejahteraan Wilayah Persekutuan.

Malah, ia selari rekod cemerlangnya dalam pengurusan pentadbiran negeri yang merangkumi sektor ekonomi, pendidikan, sosial dan sukan.

Selain itu, beliau yang pernah menyandang beberapa jawatan lain seperti Pengurus YAYASAN (Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Pengurus Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga mampu menerajui Wilayah Persekutuan ke arah wilayah yang inklusif melalui perancangan strategik serta pembangunan bersepadu demi kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

Beliau yang dilantik semula dalam Jemaah Menteri turut menzhahirkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri,

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di atas kepercayaan yang diberikan untuk berkhidmat dalam 'Keluarga Malaysia'.

"Saya cukup berbesar hati untuk kembali berkhidmat sebagai menteri di Kementerian Wilayah Persekutuan. Insya-Allah saya akan cuba sehabis baik untuk memikul amanah dan tanggungjawab ini."

"Saya percaya kerjasama erat bersama warga Wilayah Persekutuan, jabatan dan agensi nanti dapat diteruskan bagi menyuntik keyakinan baharu untuk negara bangkit melawan COVID-19."

"Sama-sama juga kita doakan agar segala urusan barisan kabinet baharu di bawah kepimpinan Perdana Menteri ke-9 ini akan dipermudah demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara," katanya. **WK**



JALALUDDIN bertanyakan keadaan semasa dan pentadbiran DBKL kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah (kiri) selepas melangkah masuk ke pejabatnya di Menara 1 DBKL Rabu lalu.

Jalaluddin gandingan pimpinan berkarisma

PELANTIKAN Datuk Seri Jalaluddin Alias yang berasal daripada Jelebu, Negeri Sembilan sebagai Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dilihat sebagai gandingan padu dan berkarisma kepada Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Beliau yang berkelulusan Sarjana Muda Pendidikan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) juga pernah menerajui UDA Holdings Berhad sebagai Pengurus.

Selain itu, pengalamannya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Sembilan (Pengerusi Bertindak Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan) yang memfokuskan aspek pembangunan bandar, pastinya selari dengan fungsi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi.

Melalui ini, matlamat kerajaan dan agensi untuk mencapai kemakmuran komuniti bandar serta persekitaran mampan di Wilayah Persekutuan dapat direalisasikan.

Justeru, kredibiliti yang ada, bakal mendongong misi dan visi kementerian sekali gus meningkatkan kecemerlangan wilayah. **WK**

Wujud lebih banyak peluang pekerjaan matlamat 100 hari Shahidan

MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim bertekad untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat tanpa berlengah dan mewujudkan peluang pekerjaan terutama kepada keluarga miskin dalam tempoh 100 hari beliau menyandang jawatan itu.

Beliau berkata sesi libat urus akan diadakan dengan pelbagai pihak untuk menambah baik usaha dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat serta pembangunan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi manfaat warga Wilayah Persekutuan.

"Contohnya memberi perkhidmatan terbaik dari segi vaksinasi melepas 100 peratus dan memberi pertolongan kepada 16,000 warga termiskin serta mencari jalan mewujudkan peluang pekerjaan dalam bentuk perniagaan kecil," katanya.

Shahidan berkata Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan adalah bandaraya sejahtera dan sebarang pembangunan harus dimanfaatkan



SHAHIDAN (tengah) mendengar penerangan berkenaan pembangunan Putrajaya daripada Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain (kiri).

warganya selain mencerminkan imej kerajaan Malaysia serta menampilkan konsep 'Keluarga Malaysia' yang bertolak-ansur dan memberi manfaat menang-menang.

"Pendekatan saya ialah biar pembangunan tidak mengganggu keselesaan yang dinikmati rakyat sekarang. Perkhidmatan perlu diperbaiki secara berfasa asalkan

hak keselesaan itu tidak hilang," katanya selepas melakukan lawatan lapangan di sekitar Putrajaya pada Selasa.

Shahidan, yang melawat beberapa kawasan rekreasi di Putrajaya seperti Dataran Putra, Putrajaya Steps dan Taman Botani, berkata segala perancangan akan diteruskan untuk menjadikan pusat



SHAHIDAN bersama isterinya, Datin Seri Shamsiah M Yassin (tiga dari kanan) bersama Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain (tiga dari kiri) serta barisan petugas di Taman Botani, Putrajaya.

pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu sebagai tarikan pelancongan.

Beliau berkata Taman Botani akan diberi perhatian untuk mempelbagaikan tanaman khususnya bagi tujuan pendidikan termasuk herba dan spesies popular suatu ketika dahulu yang kini hampir pupus seperti asam gelugur dan buah asam.

Katanya pengambilan pekerja

asing untuk menjaga dan menguruskan taman awam juga perlu dilihat semula kerana orang tempatan boleh melakukan pekerjaan itu.

Shahidan diiringi Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain ketika melakukan lawatan di sekitar Putrajaya. **WK**

12,201 bendera dipacakkan di tengah padang Dataran Merdeka

AZLAN ZAMBRY

PERPADUAN merupakan elemen penting dalam memacu pembangunan bandaraya Kuala Lumpur dan ia turut dikenali sebagai imej bagi negara Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Bagi menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan muhibah dalam kalangan kaum di ibu kota, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperkenalkan formasi logo Malaysia Prihatin bagi menyerikan lagi sambutan Hari Kebangsaan ke-64.

Pengarah Jabatan Perancangan Korporat DBKL, **Zurida Hashim** berkata, idea memacakkan bendera kecil yang terdiri daripada empat warna asas dari jalur gemilang merupakan cetusan idea Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk



ZURIDA

Seri Mahadi Che Ngah bagi memaparkan sisi penting Kuala Lumpur sempena sambutan Hari Kemerdekaan.

“Seperti yang kita sedia maklum, Kuala Lumpur merupakan pusat tumpuan pelbagai lapisan masyarakat dan ia turut dihuni oleh pelbagai kaum dan agama. Jadi ini jelas bahawa dengan elemen perpaduan sahaja Kuala Lumpur sentiasa berada di dalam suasana yang aman di mana semua kaum saling hormat menghormati.

“Oleh kerana kita menghadapi pandemik COVID-19 ini bersama-sama, maka idea Bendera Perpaduan ini dizahirkan dengan tujuan memperkuatkan lagi perpaduan dalam kalangan rakyat khususnya warga kota,” katanya kepada *Wilayahku*.

Menurut Zurida formasi logo Malaysia Prihatin digunakan sesuai dengan tema sambutan dipacakkan pada 31 Ogos yang



FORMASI logo Malaysia Prihatin digunakan sesuai dengan tema bagi menyerikan lagi sambutan Hari Kebangsaan ke-64.

Hari Kebangsaan kerana negara masih lagi belum bebas daripada wabak COVID-19.

“Formasi ini menggunakan kira-kira 12,201 bendera yang terdiri daripada warna merah, putih, biru dan kuning yang dipacakkan di tengah-tengah padang Dataran Merdeka.

“Bendera Perpaduan mula dipacakkan pada 31 Ogos yang

lalu sehingga 16 September ini yang bersamaan dengan Sambutan Hari Malaysia,” katanya.

Tambahnya, elemen perpaduan ini turut menyemarakkan lagi semangat Keluarga Malaysia yang selaras dengan aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. **WK**

Mesin ATM beras beri manfaat golongan miskin bandar

AZLAN ZAMBRY

INISIATIF baru-baru ini di Rumah Prihatin @ GrandSeasons dengan menyediakan mesin ATM beras dapat memberikan manfaat untuk golongan rentan dan miskin bandar tanpa perlu melalui birokrasi.

Pengasasnya, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, bantusan itu akan diberikan kepada kira-kira 15,000 golongan miskin bandar yang tersenarai di dalam pengkalan data e-kasih dengan hanya perlu memasukkan data peribadi melalui sistem yang telah disediakan.

“Mereka boleh datang secara *walk in*. ATM beras sudah ada sistem dan hanya perlu memasukkan data, ada satu kamera mengambil wajah individu berkenaan dan guna kad pengenalan.

“Nama yang tidak tersenarai dalam sistem pula perlu datang membuat pendaftaran dengan memasukkan butiran diperlukan secara manual,” katanya dalam sidang akbar di Rumah Prihatin pada Isnin.



GOLONGAN miskin bandar yang memerlukan beras percuma boleh datang mendapatkan bekalan beras percuma di RumahPrihatin@ GrandSeasons.

Hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar.

Turut hadir, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi Mohd

Zain, Pengarah Eksekutif Rumah Prihatin, Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiah dan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Annur yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia berkata, projek ATM beras ini merupakan yang pertama di Kuala Lumpur dan ia adalah projek perintis dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan YWP.

“Untuk lokasi pertama, kita menempatkan satu mesin di ruang legar hotel ini. Kita buat satu dulu, kerana mesin ini dibawa dari luar negera dan ia disumbangkan oleh pihak-pihak dan badan tertentu. Kita akan tengok bagaimana ia boleh dilaksanakan.

“Dengan adanya mesin ATM beras ini, mereka yang benar-benar memerlukan kepada beras percuma mereka boleh datang untuk mendapatkan di antara satu hingga lima kilogram dengan menggunakan bekas sendiri untuk mendapatkan bekalan yang disumbangkan,” katanya.

Selain dari ATM beras, Annur turut memperkenalkan dua inisiatif baru lain yang disediakan di Rumah Prihatin @ GrandSeasons dengan menyediakan 10 bilik dengan kemudahan 20 katil khas untuk pesakit kanser yang datang ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk menerima bantuan ‘Toys Bank’ yang membekalkan barang permainan kepada kanak-kanak dalam kalangan keluarga miskin sekitar ibu kota. **WK**

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer0@gmail.com

YAHIDI BAKER

dilwiyahku@gmail.com
Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

TAUFIK MOHD PAUZE

kikkywilayahku7@gmail.com
Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Fariq Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Faria Ramly
azlyfaria@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my

V KUMAR VEERAN

veeran1010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Laili Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Muhammad Adib Zailani

CERITA KEDAI KOPI

Wilayah Persekutuan ke Fasa 2

SEMPENA sambutan ulang tahun ke-64 Hari Kebangsaan 31 Ogos lalu, kawan-kawan Kedai Kopi mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada Wilayah Persekutuan (WP) dengan harapan ia akan terus maju dan makmur.

Sambutan kali ini dianggap detik istimewa bagi Wilayah Persekutuan. Selain sama-sama meraka ulang tahun kemerdekaan, WP juga turut ‘merdeka’ apabila berjaya mencapai sasaran imuniti kelompok atau *herd immunity* COVID-19.

WP Labuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya telah mencapai tahap melebihi 80 peratus vaksinasi dos kedua COVID-19 di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICICK) dan layak bergerak ke Fasa 2 dalam Pelan Pemulihan Negera (PPN).

Seperi ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kerajaan akan meneliti peralihan fasa bagi Lembah Klang kerana kadar vaksinasi sudah melebihi keperluan imuniti kelompok. Perkara ini akan dibincangkan pada mesyuarat kabinet dan Jawatankuasa Khas Mengenai COVID-19.

Sejak itu diharap suasana suram yang dihadapi akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan kembali ceria. Secara pelahan juga warga WP akan kembali ke arah kehidupan normal seperti sebelum pandemik dan dapat menguruskan kehidupan dengan lebih baik.

Dengan sasaran imuniti kelompok seluruh negara pada bulan Oktober, keadaan semakin cerah untuk beberapa perkara yang dilarang sebelum ini dilonggarkan, misalnya rentas negeri. Sudah terlalu ramai yang rindu untuk balik ke kampung halaman atau pergi bebas melancong.

Yang penting, WP akan dapat meloloskan diri daripada kemelut COVID-19 dan merancakkan ekonomi secepat mungkin demi membina kehidupan lebih baik untuk seluruh warganya.

Beri peluang kabinet bekerja

KABINET sudah dibentuk. Jemaah Menteri sudah mengangkat sumpah. Pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi, beri peluang mereka menjalankan tugas dan melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin.

Rasa tidak puas hati memang biasa. Ada yang kata kabinet lama disusul baru atau dikitar semula. Ada yang kata diaulang tayang. Macam-macam. Manalah ada orang yang boleh sekata sejuti puas hati dengan semuanya.

Sukar untuk memenuhi kehendak semua orang. Jika dibuat begini, pihak lain tidak puas hati. Jika dibuat begitu, pihak lain pula tidak puas hati. Buat macam mana pun suara pahat tetap berbunyi sekali pun rumah sudah siap.

Menyusun kabinet bukan mudah kerana beberapa faktor politik dan keadaan semasa perlu diberi pertimbangan. Komposisi parti yang menyokong kerajaan mesti diambil kira. Walaupun UMNO meneraju kerajaan, Perikatan Nasional (PN) dan komponen lain mesti dimiliki kira.

Parti komponen ini perlu beri tempat untuk sama-sama mentadbir. Justeru Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, walau pun Perdana Menteri, tidak dapat mengabaikan aspek ini dalam membuat pemilihan jemaah menteri.

Juga, dalam meneruskan tugas menangani isu mencabar sekarang iaitu perang melawan COVID-19 dan kemerosotan ekonomi, pasukan yang telah berdepan dengan isu ini sebelum ini mungkin dianggap yang terbaik meneruskan tugas agar ada kesinambungan.

Kerana itulah hampir semua ahli pasukan dikekalkan. Ada yang digugurkan dan muka baru dilantik. Atau wajah lama kembali memasuki kabinet. Atau pemegang jawatan dalam kabinet sebelum ini bertukar portfolio.

Sehubungan itu, kawan-kawan Kedai Kopi mengucapkan tahniah kepada bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang juga bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim kerana dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan (WP) menggantikan Tan Sri TPr Annur Musa.


Tidak lupa, tahniah juga kepada Annur Musa yang bertukar portfolio dan kini bakal mendepani cabaran baharu menerajui Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KMM). Kawan-kawan Kedai Kopi percaya berbekalkan pengalaman luas, mereka akan dapat melaksanakan tugas dengan baik.



WILAYAH
PERSEKUTUAN
**WILAYAH
PRIHOTIN**

*Keranamu kami bebas merdeka,
Keranamu nyawa dipertaruhkan,
Keranamu rela kami berjuang,
Demi bangsa kedaulatan negara,
Keranamu negara Malaysia.*

♫ Keranamu Malaysia



<http://www.kwp.gov.my/>



Kementerian Wilayah Persekutuan



kwp.my



kw_seriwilayah



BUDIMAN
MOHD ZOHDI
Setiausaha Politik
Menteri Wilayah Persekutuan

BUATLAH apa yang anda tahu; jika anda pelari, larilah; jika anda loceng, berbunyilah.

Begitu pesan Ignes Bernstein (1836-1909) seorang ahli bahasa di Podolia (kini Ukraine).

Pesan itu akan menjadi lebih lengkap jika Bernstein berkata, "Buatlah apa yang anda tahu dengan sebaik-baiknya, dan ketahuilah dengan sebaik-baiknya apa yang anda buat."

Itulah sebenarnya formula kejayaan. Banyak orang mengambil mudah terhadap formula ini.

Apabila bekerja, mereka sekadar bekerja tanpa memahami dalam erti kata sebenar apa yang dikerjakan.

Apabila berniaga, fikiran mereka terhad pada urusan jual beli semata-mata.

Ada yang mungkin berkata, saya hanya penoreh getah, saya tahu menoreh, tidakkah itu sudah memadai?

Atau, saya hanya pemandu lori, telah bertahun memandu, tidak pernah terlibat dalam kemalangan, bukankah itu sudah cukup menunjukkan saya tahu apa yang saya buat?

Ada betul dan ada salahnya. Tetapi yang salah lebih banyak daripada yang betul.

Tidak ada siapa pun yang siuman di dunia ini mahu hasil daripada pekerjaannya statik atau merosot.

Masing-masing mahukan peningkatan. Penoreh getah pun begitu. Dan untuk mendapat hasil semaksimum mungkin, penoreh getah itu perlu mengetahui banyak perkara tentang pekerjaannya.

Dia perlu tahu waktu yang sesuai untuk turun menoreh, waktu banyak susu getah dan sebaliknya, cara torean yang tidak merosakkan pokok, jenis baju yang patut diguna dan jenis musuh yang mesti dikawal.

Dia mungkin menoreh di kebun orang. Tetapi dengan hasil yang lebih baik, dia berkemungkinan diberi tanggungjawab lain dengan upah yang boleh dianggap sebagai pendapatan sampingan.

Jika di estet dia berpotensi dinaikkan pangkat menjadi mandor, penyelia atau sebagainya.

Atau barangkali dia mahu

“Tidak sedikit orang yang bermula dari bawah, yang meningkat naik ke jawatan-jawatan penting bukan kerana sijilnya tetapi kerana pengalaman dan pengetahuannya tentang sesuatu bidang.

memiliki kebun sendiri. Boleh jadi juga mahu menjadi peraih atau pemilik kilang getah.

Semuanya boleh, tetapi pra syaratnya dia mestu tahu sebanyak mungkin segala perkara berkaitan dengan penanaman, pengeluaran dan perniagaan getah.

Pemandu lori juga perlu tahu lebih daripada sekadar memandu.

Dia harus faham selok-belok mencari rezeki dengan lori. Perlu tahu bagaimana mendapatkan pelanggan, mengenali jenis pelanggan dan memahami kehendak mereka.

Kebolehan membaiaki lori juga perlu ada. Keupayaan membaiaki sendiri bermakna menjimatkan wang dan masa.

Lagi pandai lagi bagus. Boleh juga nanti mencari pendapatan tambahan dengan membaiaki lori orang lain.

Pendek kata apa juga pekerjaan yang kita lakukan menuntut pengetahuan yang mendalam jika kita mendambakan kejayaan.

Ketua Pegawai Eksekutif syarikat raksasa sekalipun akhirnya akan makan pasir jika kerjanya hanya pandai mengarah tetapi tidak faham apa yang diarahkan.

Tidak sedikit orang yang bermula dari bawah, yang meningkat naik ke jawatan-jawatan penting bukan kerana sijilnya tetapi kerana pengalaman dan pengetahuannya tentang sesuatu bidang.

Ramai di kalangan mereka itu yang kemudiannya menjadi perunding bebas, dengan gaji per jamnya seringkali lebih besar daripada gaji per hari seorang pengurus.

Seorang penjual kuih mungkin tidak perlu tahu cara membuat kuih, walaupun mengetahuinya adalah satu kelebihan. Tetapi dia perlu tahu cara-cara menjual kuih dari A hingga Z.

Daripada penyediaan gerai dan peralatan, cara kuih disusun, cara menarik pelanggan, cara menghadapi persaingan, akaun keluar masuk, pelan-pelan kecemasan dan serba-serbi yang lain.



PEMANDU lori juga perlu tahu lebih daripada sekadar memandu. Dia harus faham selok-belok mencari rezeki dengan lori. Perlu tahu bagaimana mendapatkan pelanggan, mengenali jenis pelanggan dan memahami kehendak mereka.

Inilah pentingnya mempunyai ilmu boleh melakukan sesuatu dengan sehabis baik.

Setelah pra syarat ini dipenuhi, perkara lain yang perlu diberikan tumpuan adalah soal siapa yang anda kenal.

Maksudnya anda perlu membentuk jaringan atau rangkaian dengan keluarga, kawan rakan, kenalan, dan sesiapa sahaja, termasuklah pelanggan atau mereka yang pernah berurusan dengan anda.

Ia mungkin bermula dengan membentuk rangkaian di kalangan orang-orang yang satu bidang pekerjaan dengan anda, atau yang sama minat dengan anda.

Paling tidak mereka yang disasarkan itu harus mempunyai satu atau dua titik temu dengan anda. Misalkan tinggal di kawasan perumahan yang sama.

Di negara yang kuat dengan ikatan budaya, mengenali seseorang juga sebahagian dari faktor mendapat sesuatu dan menyelesaikan masalah.

Sebab itu jaringan sesama industri sangat penting dalam membina nama jenama dan mendapatkan harga pembekalan yang istimewa.

Kerana pentingnya jaringan inilah maka wujud bermacam-macam pertubuhan, persatuan, kelab dan sebagainya yang dianggotai oleh pihak-pihak yang berkongsi matlamat dan kepentingan.

Sebuah ini bukan perkara baharu. Dewan perniagaan yang pertama direkodkan telah wujud di Marseille, Perancis pada tahun 1539 iaitu *Chambre de Commerce*, yang tujuannya adalah untuk menjaga kepentingan dan

Namakan apa sahaja bidang utama, di situ ada 'Collegian'. Jaringan kerja mereka begitu meluas sehingga tidak sukar untuk mana-mana pelajar lepasan sekolah ternama mendapat peluang kerja dari jaringan jenamanya.

MRSRM menapak perlahan di belakang dan perlahan-lahan juga mengambil alih kedudukan MCKK.

Kini, lebih 200,000 bekas pelajar maktab itu ada di mana-mana, juga dalam semua bidang utama.

Lebih ramai lagi akan muncul dari 54 buah MRSRM yang ada sekarang. Jaringannya menjadi cukup luas, menyeluruh dan berpengaruh.

Sebab membina rangkaian mesti dipupuk semenjak dari usia kecil lagi.

Bayangkan anda menjadi sebahagian daripada jaringan itu, tentu banyak manfaat yang akan anda peroleh.

Bayangkan pula anda mampu membina satu jaringan lain yang hanya 0.01 peratus daripada itu, nescaya banyak mudahnya untuk anda lakukan apa yang dirancang. Cubalah!

Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi adalah Presiden SLR Institute. Sebuah organisasi yang memfokus kepada kajian penyelidikan sosial dalam negara.



MERDEKA KITA

Merdeka adalah kata keramat diulang tanpa jemu anak-anak dahulukala berdegup bangga ayah ibu.

Merdeka kini sekadar himpunan aksara terpampang di mana-mana menjelang sambutan tahunan.

Merdeka itu besar maknanya usah dibiar lenyap bersama pulangnya matahari 31 Ogos.

Merdekakah kita sedang penjajahan ada di mana-mana dalam jiwa dan minda.

**Mohd Salleh Osman
Presint 16, Putrajaya**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

**SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



Selamat maju jaya Shahidan, Annuar

BELUM terlambat mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada Datuk Seri Shahidan Kassim ke kerusi Menteri Wilayah Persekutuan (WP), serta tahniah dan selamat jalan kepada mantan Menteri WP, Tan Sri TPr Annuar Musa yang bakal menempuh cabaran baharu sebagai Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Selamat bertugas dan selamat maju jaya kepada kedua-duanya. Adi percaya dengan pengalaman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Besar Perlis, Shahidan mampu memacu kemajuan WP dan kesejahteraan warganya.

Kepada Annuar Musa, Adi optimis dengan pengalaman sebagai Menteri WP dan pengalaman lama dalam kabinet sebelum ini, akan menjadi menjadi tenaga penggerak melaksanakan tugas dalam portfolio baharunya.

Pasti Shahidan dan Annuar mempunyai visi dan misi untuk memastikan kejayaan kementerian masing-masing, dan lebih penting memberi manfaat kepada rakyat jelata.

Dalam ruangan kali ini, izinkan Adi mencoret catatan mengenai Annuar Musa yang pada Adi telah mentadbir Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan baik dan komited. Ini sebagai coretan ‘selamat tinggal’ bagi mengimbau sumbangannya untuk kesejahteraan WP dan warganya.

Pelbagai perancangan beliau telah membawa hasil. Yang masih dalam perancangan atau pelaksanaan wajar diteruskan. Adi percaya Shahidan akan meneruskan kerja-kerja baik dan bermanfaat untuk WP ini, di samping memperkenal dan melaksanakan program-program baharu.

Beliau telah pun menyatakan akan meneruskan dasar-dasar sedia ada selepas majlis mengangkat sumpah jawatan di hadapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Isnin lalu.

Banyak cetusan idea Annuar untuk kemakmuran WP. Antara yang utama ialah membantu warga WP yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 melalui program Inisiatif Wilayah Cakna dan Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB). Juga menyediakan lebih 1,000 kios niaga di luar dan dalam bangunan dengan sewa berpatutan.

Ini merupakan usaha menjadikan perniagaan sebagai bidang baharu untuk mereka ceburi hingga mampu muncul menjadi peniaga atau penjaja berjaya demi kesinambungan hidup.



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (kanan) bersama Mantan Menteri Wilayah Tan Sri TPr Annuar Musa pada malam sambutan Kasih Merdeka @ Rumah Prihatin baru-baru ini.

Malah peluang ini juga dibuka kepada siswazah yang telah tamat pengajian tetapi masih menganggur. Mereka boleh berniaga sementara menunggu peluang kerja lebih baik, atau terus sahaja komited menjadi peniaga berjaya.

Adi melihat Annuar sangat prihatin dengan masalah penjaja. Kerana itu beliau memberi lesen niaga kepada yang sudah bertahun-tahun memohon tetapi gagal, menyebabkan mereka beroperasi dalam keadaan takut diambil tindakan oleh penguatkuasa.

Malah beliau datang sendiri ke lapangan untuk memberi lesen kepada penerima. Sikap ini sangat dihargai oleh peniaga yang sebelumnya behadapan masalah *red tape* menyebabkan bertahun-tahun memohon tetapi gagal mendapat lesen.

Annuar juga menyantuni gelandangan dan mentransformasi

mereka menjadi insan berdikari, tidak berkeliaran ke sana sini dan terus menerus hidup meminta-minta untuk sesuap nasi. Mereka diberi latihan berniaga. Yang mempunyai masalah dadah dihantar untuk pemulihan terlebih dahulu.

Kelompok ini diberi gelaran *Hijrah Warrior* atau Pahlawan Hijrah kerana kesungguhan mereka berhijrah daripada kehidupan yang mundur dan mengharap belas ihsan orang kepada kehidupan yang lebih maju dan dinamik di atas kaki sendiri.

Golongan berpendapatan rendah atau B40 juga tidak lupakan. Annuar sedar dalam tempias COVID-19 dan ada di antaranya terputus sumber rezeki, golongan ini sangat memerlukan bantuan demi meringankan beban hidup.

Bantuan bakul makanan diberi kepada golongan sasar

“Ini merupakan usaha menjadikan perniagaan sebagai bidang baharu untuk mereka ceburi hingga mampu muncul menjadi peniaga atau penjaja berjaya demi kesinambungan hidup.”

yang terkesan, selain bantuan kewangan. Penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) pula diberi penangguhan bayaran sewa, juga diskaun sewa.

Untuk orang awam juga diberi kelonggaran berbentuk penangguhan serta diskaun bagi bayaran cukai taksiran. Ini untuk membolehkan wang yang sepatusutnya digunakan membayar cukai digunakan untuk keperluan lain yang lebih mendesak.

Dalam pelaksanaan program vaksinasi COVID-19 di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Annuar memainkan peranan penting memastikan kelancaran program berkenaan bagi membolehkan seramai mungkin warga WP divaksin dalam tempuh waktu secepat mungkin.

Untuk itu juga disediakan kemudahan menjurus kepada matlamat ini seperti RumahPrihatin@GrandSeasons yang menyediakan pelbagai perkhidmatan berhubung kait COVID-19 termasuk vaksinasi, rawatan serta kemudahan kuarantin.

Malah empat buah hotel mewah lain disediakan bagi lokasi kuarantin penduduk berpendapatan rendah seperti penghuni PPR dan PA. Hotel berkenaan ialah Royale Chulan, Jalan Conlay; Pusat Belia Antarabangsa di Cheras; Hotel Tamu Kampung Baru dan Hotel Travelodge City Centre di Jalan Hang Kasturi.

Ini untuk membolehkan mereka menjalani kuarantin kendiri dalam suasana selesa dan dipantau, berbanding dengan rumah yang sempit serta ramai penghuni sehingga sukar mengelakkan bergaul dengan ahli keluarga lain.

Komitmen terhadap program vaksinasi membolehkan WP Labuan mencapai imuniti kelompok pertama di negara ini. WP Kuala Lumpur dan Putrajaya juga telah melepassi paras 80 peratus penduduk memperoleh dos kedua. Sasaran imuniti kelompok bagi WP pada bulan Ogos berjaya dicapai.

Malah sebelum pun

matlamat ini dicapai, Annuar telah mengerakkan satu pelan cadangan bagi menyediakan perancangan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi WP sebagai persediaan beralih dari Fasa 1 ke Fasa 2 dan seterusnya.

Pelan ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Pemulihan Wilayah Persekutuan (JPWP) sebagai rangka strategik pembangunan ketiga-tiga WP. Ini sejajar dengan pembukaan lebih banyak sektor ekonomi, sosial dan budaya di WP lanjutan pencapaian imuniti kelompok. Usaha ini dalam pelaksanaan.

Juga masih dalam proses ialah rancangan pembangunan Kampung Baru agar kawasan penempatan orang Melayu di tengah bandar itu maju seiring dengan pembangunan rancak di sekililing. Begitu juga Perkampungan Al-Quran di Putrajaya yang sedang dalam pelaksanaan.

Adi percaya perancangan yang belum menjadi kenyataan ini akan diteruskan oleh Shahidan. Usaha yang baik ini memang wajar dilaksanakan sehingga berjaya dan hasilnya dapat dinikmati oleh semua, khususnya warga WP.

Shahidan mungkin akan mengambil peluang meninjau kembali keberkesanan program-program yang dilaksanakan sebelum ini dan menambah baik mana yang perlu bagi menghasilkan kejayaan yang lebih jitu untuk kesejahteraan WP. Adi percaya Shahidan memiliki komitmen ini.

- Adi Tuah



SAJAK

TERIMALAH, WILAYAHU

Hadir sebutir Cahaya sekuntum kudrat dari utara moga tiada lagi kelam sudut jalan badung tanpa tajam bersembunyi laman akan bermandikan warna taman taman turun beburung dari saujana bersama menyusun gubahan karya wilayahku, terus berdiri mengapai sejahtera bahagia wilayahku, terus belari mengejar kemajuan hakiki.

Sebutir bintang dari utara hadir bersama agenda untuk melukiskan potret kota dengan garis garis fikir untuk membina lanskap citra gandingan warga yang setia merendang meriahnya senyuman melimpah rahmat yang berkat.

Wilayahku, terimalah nawaitu baharu, fikrah segar untuk terus harum dan mekar.

Solihin Osman
Dangau Seni, Kangar.

Penduduk gotong-royong demi menyambut Hari Kebangsaan

Laungan merdeka bergema dari blok 29

NAZWIN NAZRI

TIDAK dinafikan, pandemik COVID-19 yang melanda rakyat Malaysia ketika ini bukan hanya merencangkan pertumbuhan ekonomi penduduk dan pembangunan negara di samping merekodkan jumlah kematian yang tinggi dalam tempoh satu hari, ia juga menyebabkan rakyat terpaksa 'berkurung' selama berbulan-bulan.

Situasi yang melanda itu, mengakibatkan norma kehidupan masyarakat bertukar 360 darjah selain tidak dapat meraih perayaan mahupun peristiwa penting seperti Hari Kemerdekaan.

Namun, ia tidak mematahkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya penduduk di Blok 29, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Perak Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur, apabila kesemua mereka menjayakan sambutan bermakna itu dengan cara tersendiri.

Kesemua mereka 'berkumpul' pada detik 12 tengah malam menjelang 31 Ogos baru-baru ini bagi mengibarkan Jalur Gemilang



GUNALAN

sepanjang 76.2 meter (250 kaki) dari atas bumbung blok di samping laungan 'Merdeka' dan nyanyian lagu Negaraku.

Lebih menggembirakan, apabila inisiatif terbabit mendapat sambutan hangat selepas kesemua penghuni blok turut memainkan

peranan tanpa mengira bangsa dan agama seja-jar pendekatan 'Keluarga Malaysia' yang diterapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menurut Pengurus Persatuan Penduduk Sri Perak Bandar Baru Sentul, **Fairul Iskandar Faizil De Souza**, inisiatif tersebut tercetus menerusi perbincangan bersama antara ketua blok 29, Khairul Faddil Sulaiman dan ahli jawatankuasa (AJK) bloknya yang mahukan kemerdekaan dalam situasi COVID-19 di samping menggembirakan penduduk.

Oleh itu, kami semua bersetuju menurunkan bendera Malaysia dari bahagian atas blok. Usaha ini dilakukan bermula hujung Julai lalu. "Bagi mematuhi SOP (prosedur operasi standard) pada malam sambutan itu, penghuni akan berdiri di hadapan rumah masing-masing



PENDUDUK setempat membawa Jalur Gemilang untuk dipasangkan pada kenderaan sekitar sebagai tanda sambutan Hari Kebangsaan.

manakala AJK terlibat memainkan peranan masing-masing bagi menjayakan sambutan," katanya ketika ditemui Wilayahku pada Selasa.

Bagi Kairul Iskandar, usaha yang dilakukan itu bukan hanya dapat meneguhkan silaturahim antara penduduk yang berbilang bangsa,

tetapi dapat mengajar anak-anak kecil tentang semangat dan cara baharu untuk menyambut merdeka walaupun dalam keadaan getir.

Sementara itu, timbalan ketua blok 29, **S Gunalan**, 38, memberitahu, Hari Kemerdekaan perlu diraikan demi memperingati peristiwa penting dan perjuangan tokoh-tokoh negara yang sanggup berkorban sehingga ke titisan darah terakhir demi membebaskan tanah air daripada penjajah.

"Semua kaum patut terlibat dalam meraikan hari bersejarah ini. Walaupun tidak boleh diraihan seperti sebelumnya, penduduk

setempat perlu memainkan peranan penting dan mencari alternatif lain demi menonjolkan semangat patriotik dalam diri termasuk melakukannya secara maya.

"Bagi saya yang dahulunya tidak berminat dengan sebarang sambutan kemerdekaan, penularan wabak COVID-19 berjaya melahirkan semangat patriotik dalam diri ini kerana terasa sepi apabila tiada lagi sambutan dan percikan bunga api kelihatan," katanya gembira.

Menurut penduduk setempat, **Jamaliah Osman**, 63, sambutan seumpama itu pertama kali diraikannya selepas kerajaan tidak membenarkan sambutan yang menghimpunkan orang ramai seperti tahun-tahun sebelumnya.

"Penduduk setempat lebih bersepakat kerana sambutan dalam kumpulan yang kecil. Saya juga rasa gembira kerana Hari Kebangsaan tetap diraikan dengan cara tersendiri.

"Walaupun dilanda wabak, kita jangan jadikan ia sebagai masalah besar yang menyebabkan peristiwa penting tidak dapat diraikan," katanya yang turut gembira melihat anak muda bersemangat meraikan merdeka. **WK**

Bungkus kasih, tarikan klasik di Dove Cafe sempena merdeka


NAZWIN NAZRI

PUNJUT kain batik, kaedah klasik yang sering digunakan masyarakat zaman dahulu untuk membawa barang ketika mengembbara, kini menjadi 'trend' di Dove Cafe.

Mengetengahkan menu tradisional nasi ayam golek gemersik, kafe berkoncepkan keluarga itu menggunakan teknik punjur yang dikenali sebagai 'bungkus kasih' sebagai simbolik sambutan Hari Kebangsaan ke-64.

Dilihamkan oleh pemilik yang juga Pengarah Operasi Dove Cafe, Zaiton Fazreen Wahab, teknik berkenaan berkeupayaan menahan haba makanan dalam jangka waktu yang lama selain mengembalikan nostalgia zaman Melayu dahulu kala.

Menjelaskan tentang menu tradisional yang diketengahkan, Chef Eksekutifnya, **Chef Hasri Hashim** memberitahu, nasi ayam itu merupakan resipi asli yang diolah dan disempurnakan mengikut trend kesukaan ramai sesuai peredaran nuansa selera



masyarakat kota.

"Ayam Golek Gemersik' dihidangkan bersama nasi butter, sambal gesek, sambal kacang dan salad. Saya mengambil masa selama satu bulan untuk menghasilkan resipi tersebut.


"Satu set hidangan talam yang sesuai dinikmati empat orang, dijual pada harga RM98. Selain itu, pelanggan juga mempunyai pilihan untuk menambah bungkus kasih.

"Uniknya menu ini, ia merupakan makanan sihat kerana tidak menggunakan minyak manakala cili digesek menggunakan tangan tanpa mesin sebelum diperap selama semalam," katanya.

Menurut Hasri, variasi baharu berkoncepkan masakan tradisional itu direka sejajar pendekatan semasa dan generasi masa kini.

Bercerita lanjut, beliau yang meminati bidang masakan menyatakan, Dove Cafe kini menjadi platform untuk dirinya dan pasukan menterjemah masakan dan bermain tunas rasa dengan cara kreatif.

"Pengasas kafe ini juga mempraktikkan piawai tertinggi tatkala berhadapan dengan kualiti dan servis. Saya dan pasukan sentiasa teruja kerana



SALAH sebuah outlet Dove Cafe yang dibuka selepas dibenarkan kerajaan.

mampu menyahut cabaran untuk ke peringkat lebih tinggi lagi," jelasnya gembira.

Terdahulu, pelancaran menu secara maya diserikan dengan selebriti terkenal tanah air, Datin Seri Zarina Zainudin dan Shaheizy Sam.

Turut dilancarkan ialah tanda pagar #rasairasa bagi menyemarakkan lagi kualiti dan warisan di Dove Cafe.

Dove Cafe juga terkenal dengan juadah 'signature' seperti soto tulang rusuk, asam pedas salmon dan ayam panggang, malah selain nasi ayam golek gemersik, Dove Cafe juga melancarkan makanan sejuk beku premium sambal so-



Selain membenarkan individu yang sudah lengkap dua dos vaksin menjamu selera di cawangan Malawati Mall bermula 1 September ini dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara, juadah Dove Cafe juga boleh dipesan melalui WhatsApp 019-3783856, laman www.dove-cafe.com atau di platform penghantaran Boost, Grab Food, Food Panda, Odle dan akan datang, ShoppeFood.

Untuk rekod, Dove Cafe kini beroperasi di Lot LG 29, Village Grocer, Malawati Mall manakala di Lot R 15 G, Village Grocer di M-City, Ampang masih ditutup sehingga diberitahu kelak. **WK**

tong kering, sambal ikan bilis dan sambal paru.



Hayati erti merdeka seiring perkembangan pendidikan negara

Dr Diyana Kasimon, Dr Feros De Costa dan Profesor Madya Dr Monisa Waheed dari Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia adalah Penulis Tamu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

INILAH detik bermakna pada setiap tahun di mana kita merenung definisi hari istimewa dan penuh bermakna ini kepada seluruh rakyat Malaysia.

Jika ditelusuri dari sudut sejarahnya, istilah ‘merdeka’ berasal daripada perkataan Sanskrit ‘mahardhika’ yang bermaksud kaya, makmur dan berkuasa. Setiap tahun, banyak temu bual yang dijalankan untuk melihat pemahaman rakyat Malaysia mengenai makna merdeka.

Secara umumnya, definisi merdeka pada kebanyakan orang dapat diringkaskan sebagai ‘kebebasan melalui cinta dan penyatuhan bangsa kita’.

Kekuatan bangsa terletak pada kepelbagaiannya. Demi kejayaan negara, kita mesti bekerjasama tanpa mengira batas sempadan etnik dan agama. Ini adalah antara perkara yang diajar ketika di sekolah. Tetapi bagaimana pula pelajaran ini diterjemahkan di peringkat institusi pendidikan tinggi?

TANGGUNGJAWAB SIVIK

Umum mengetahui bahawa pendidikan di peringkat institusi pengajian tinggi bertujuan untuk melahirkan siswazah yang berkebolehan dan berdaya saing bagi memasuki pasaran pekerjaan yang kompetitif. Bagaimanapun, perkara yang tidak kurang pentingnya adalah persediaan pelajar untuk memainkan peranan sebagai warganegara yang baik dalam masyarakat.

Tanggungjawab sivik adalah nilai sosial yang sangat penting dalam membentuk sebuah negara demokratik dan masyarakat yang pelbagai. Setiap graduan harus bersikap cakna dan bertanggungjawab terhadap komuniti di tempat tinggal masing-masing.

Tanggungjawab sivik dibentuk melalui pelbagai penglibatan dan penyertaan pelajar dalam isu sosial. Penyelidik di Malaysia mendapati aktiviti ko-kurikulum yang melibatkan pelbagai latar belakang kumpulan memberi pengaruh yang besar terhadap pembentukan sikap serta tanggungjawab sivik dalam kalangan pelajar.

Menyedari kepentingan nilai ini untuk masa depan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengambil peranan utama dalam membentuk jalinan kerjasama antara

universiti, industri, kerajaan dan masyarakat.

Lebih dikenali sebagai *Quadruple Helix*, konsep ini memastikan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta perkhidmatan komuniti saling terjalin antara satu sama lain untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Kesimpulannya, ia mampu melahirkan siswazah yang sedia berbakti, mencurah tenaga dan menjadi anggota masyarakat yang berkualiti.

Sudah ada bukti pelaksanaan konsep ini membawakan hasil. Contoh utama adalah usaha yang digerakkan oleh Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK). Mesyuarat MPPK adalah platform untuk pemimpin dalam kalangan pelajar mengemukakan idea untuk menyumbang ke arah agenda pembangunan negara.

Ini membolehkan penglibatan pelajar secara langsung dalam fungsi perundungan negara kita sambil menghubungkan mereka dengan pemimpin pelajar dari universiti lain dan juga pemimpin negara.

Antara usaha yang telah dilaksanakan MPPK termasuklah; peningkatan kualiti akses internet untuk memudahkan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran atas talian yang berkesan; serta program rumah sewa untuk pelajar.



QUADRUPLE Helix memastikan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta perkhidmatan komuniti saling terjalin antara satu sama lain untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat.



Kejayaan ini menunjukkan apabila pelajar disemai dengan sifat tanggungjawab sivik, mereka dapat menjana idea dalam mendepani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat.

MEMBINA BANGSA

Memupuk nilai, pembentukan karakter dan kemahiran juga menjadi teras kepada patriotisme. Konsep pendidikan kewarganegaraan telah dibahaskan oleh Ernest Gellner dalam konteks nasionalisme.

Sebagai pendidik, kita perlu memastikan perlunya keseimbangan antara kaedah mendidik secara bebas dan pada masa yang sama memupuk semangat nasionalisme dalam kalangan graduan. Pada akhirnya, kita perlu membina kekuatan bangsa kita sendiri.

Pendidikan bertanggungjawab membawa reformasi sosial dalam sesebuah negara. Ia membantu sesebuah negara untuk maju secara sosial, ekonomi dan politik.

Justeru, penting untuk pendidik memahami perkara ini sebelum menyampaikan pengetahuan ini kepada pelajar. Kita ingin melihat bagaimana graduan kita berhubung dengan komuniti yang pelbagai terutama berkaitan dengan pelbagai latar belakang. Universiti seharusnya menjadi institusi demokratik di mana idea harus dikongsi secara terbuka dan dihormati.

Terkenal sebagai negara berbilang kaum, kehadiran pelajar antarabangsa juga menambahkan 'warna' kepada Malaysia yang sudah sedia 'berwarna warni'. Kita perlu menegaskan kembali peranan integrasi, rasa hormat dan toleransi antara satu sama lain.



UNIVERSITI mewujudkan peluang untuk pertukaran pengetahuan dan budaya dalam kalangan pelajar.

Di sinilah universiti mewujudkan peluang untuk pertukaran pengetahuan dan budaya dalam kalangan pelajar dan juga untuk meraikan perbezaannya. Persefahaman bersama adalah penting dalam mempromosikan idea budaya keamanan yang merupakan salah satu aspek yang paling penting dalam pembangunan negara.

PENDIDIKAN INKLUSIF

Dengan bertambahnya bilangan pelajar antarabangsa yang berminat untuk menyambung pengajian di negara ini, pendidikan tinggi di Malaysia menyediakan lebih banyak peluang belajar, memupuk budaya menghormati dan kebersamaan, bahkan membolehkan pelajar tempatan belajar meraikan perbezaan individu.

Malaysia komited dengan Agenda 2030, yang mana berdasarkan prinsip di mana

setiap orang harus berkongsi kemakmuran dan mempunyai tahap kesejahteraan asas dengan terus berusaha untuk mencapai Matlamat Keempat menerusi Matlamat Pembangunan Mampan bagi memastikan kualiti yang inklusif dan kesaksamaan pendidikan serta mempromosikan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk setiap individu.

Untuk mencapai objektif rancangan strategik sejarah dengan Agenda 2030, KPT terus berusaha untuk memastikan akses pendidikan berkualiti tinggi yang sama rata untuk semua pelajar termasuk Orang Asli, pelajar minoriti bahkan pelajar berkeperluan khas seperti masalah penglihatan, pendengaran, kesukaran pertuturan, kecacatan fizikal, kecacatan pelbagai, dan ketidakupayaan belajar seperti autisme, Sindrom Down, Kecelaruan Hiperaktif Kurang Daya Tumpuan (ADHD) dan



KPT terus berusaha untuk memastikan akses pendidikan berkualiti tinggi yang sama rata untuk semua pelajar.

disleksia.

Menurut Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), sebanyak 10 peratus penduduk di negara-negara membangun terdiri daripada golongan berkeperluan khas, namun hanya satu peratus penduduk Malaysia terdiri daripada golongan berkeperluan dibandingkan dengan purata 10 peratus di peringkat global.

Berdasarkan penemuan ini, jumlah pelajar dengan keperluan pendidikan khas di Malaysia telah diambil ringan oleh margin signifikan disebabkan oleh kekurangan pakar untuk penilaian dan intervensi gangguan perkembangan.

Dalam menyelesaikan masalah ini, Kementerian berupaya membentuk kerjasama yang padu dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi mempercepatkan pengesanan dan diagnosis awal, serta untuk memperbaiki program inklusiviti.

Selain KKM, pihak berkepentingan lain juga memainkan peranan penting dalam pendidikan sebagai penyokong, pendokong, pemudah cara, dan rakan penyampai bagi memastikan sistem pendidikan tempatan berkembang seiring dengan negara lain untuk mengekalkan daya saing dalam ekonomi global yang semakin kompetitif.

Hanya dengan memupuk sifat inklusif dan tidak memaksakan setiap individu untuk berfikir dalam ruang lingkup yang sama, kita akan dapat mengatasi sikap diskriminasi, membangunkan masyarakat yang mapan, pemimpin inklusif, dan akhirnya, masyarakat inklusif secara global.

Demi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju sepenuhnya yang kaya, makmur dan berkuasa (sebagai makna *mahardhika*), kita harus meraikan kepelbagaiannya yang ada di bumi bertuah ini. Bukanakah ia makna sebenar merdeka?

Penganjur :



MoHE 2021 VT VIRTUAL CHALLENGE



Ogos-Okttober 2021

7KM



35KM



MEDAL



BIB



QR CODE



CABUTAN BERTUAH



E-CERTIFICATE



TIMBALAN Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias (kiri) bersama isterinya Datin Seri Maziah Mohd Nor ketika hadir ke Sambutan Kasih Merdeka RumahPrihatin@GrandSeason.



KASIH MERDEKA Rumah Prihatin program pertama Menteri Wilayah



NAZIRUL ROSELAN

LIMA jam selepas bergelar Menteri Wilayah Persekutuan yang baharu, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** hadir memeriahkan sambutan Kasih Merdeka di Rumah Prihatin @Grand Season bagi menyambut detik bersejarah 31 Ogos tepat jam 12 malam walaupun secara Visual. Sambutan yang dihadiri

100 orang yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan mengikuti SOP yang ditetapkan turut meriah dan bersemangat.

Hadir sama Timbalannya Datuk Seri Jalaludin Alias dan Pengasas Rumah Prihatin, Tan Sri TPr Annuar Musa, bagi menyambut ambang merdeka dengan penuh semangat.

Persembahan dari selebriti tanah air juga ditayangkan walaupun secara Visual dan ianya menghiburkan orang yang menonton. **WK**



BACAAN zikir dan doa dari wakil JAWI Wilayah.



SHAHIDAN menyampaikan sijil penghargaan kepada yang terlibat menjayakan Rumah Prihatin.





MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (dua kanan) bersama isterinya Datin Seri Shamsiah M Yassin ketika hadir ke Sambutan Kasih Merdeka RumahPrihatin@ GrandSeason.



Artis popular luah erti merdeka



DEEL ANJER

PROGRAM KasihMerdeka@ RumahPrihatin di Hotel Grand Seasons secara virtual baru-baru ini telah menghimpunkan ramai selebriti.

Mereka sentiasa mengharapkan rakyat agar menjaga keamanan negara dengan terus hidup bersatu padu.

Dalam masa yang sama, mereka tidak lupa mengingatkan masyarakat agar sentiasa menjaga prosedur operasi standard (SOP) agar penularan wabak COVID-19 dapat dihentikan. **WK**

"Kekalkan kasih sayang" - Dafi



SAYA nak berpartur sempena Hari Kemerdekaan ini.

"Jalur gemilang bendera kita, berkibar megah di ruang angkasa, 64 tahun sudah merdeka Malaysiaku yang tercinta, semoga diberkati yang Maha Esa.

"Semoga di Hari Kemerdekaan ini, kita semua dapat mengekalkan kasih sayang antara satu sama lain supaya hidup terus aman, damai dan harmoni seperti sekarang ini.

"Tidak dilupakan, kepada semua sukarelawan di Rumah Prihatin, terima kasih kerana telah ringankan beban ramai ramai rakyat Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Semoga Allah



"Hargai kemerdekaan" - Datuk Seri Siti Nurhaliza



SEMOGA kita semua hargai kemerdekaan yang kita ada ini. Apa yang paling penting sekarang adalah kita jaga kita agar dapat merdeka dari cengkaman COVID-19.

"Kalau pahlawan terdahulu menentang penjajah, kita semua harus sama-sama bersatu memerangi wabak bahaya ini." **WK**

Zoey harap kerjasama antara kaum

BERSATU hati menunggu merdeka, rakyat menunggu dengan sabar, waktu dibantu sudahlah tiba, bendera Malaysia megah berkibar.

"Sempena kemerdekaan ini, saya berharap agar kita semua dapat bersatu padu dalam menentang COVID-19.

"Lupakan perbezaan antara kita, sebaliknya apa yang lebih penting sekarang adalah kerjasama sesama kita tanpa mengira kaum dan agama. Kalau kita tak bersatu untuk sama-sama membantu kerajaan, agak sukar untuk kita menang." **WK**



"Positif dalam media sosial" - Naim Daniel

MERDEKA bukan sahaja bebas daripada penjajah, tetapi juga kita harus bebas atau merdeka daripada pemikiran negatif.

"Caranya adalah post perkara yang positif dalam media sosial. Elakkan memburuk-burukkan atau membuka aib orang lain kerana itu sebenarnya boleh menyebabkan perpecahan masyarakat.

"Sedangkan kita semua tahu tidak mudah untuk pahlawan terdahulu bertarung nyawa untuk capai kemerdekaan." **WK**



Baby Shima seru jaga adab

SAMA-samalah kita menjaga keamanan sekarang dengan menjaga adab sesama kita terutamanya dalam media sosial.

"Kepada para sukarelawan di Rumah Prihatin, terima kasih banyak-banyak kerana anda sanggup turun padang berkhidmat untuk rakyat. Jasa anda tidak akan dilupakan.

"Apa yang penting teruskan jaga keselamatan diri dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan." **WK**



Farawahida kagumi sukarelawan

KALAU dulu pahlawan kita berusaha menentang penjajah, sekarang kita semua berperang dengan COVID-19.

"Saya kagum dengan semangat sukarelawan di Rumah Prihatin yang banyak membantu rakyat yang sedang risau dengan keadaan pandemik ini.

"Apa-apa pun pastikan anda terus menjaga keselamatan diri ketika menjalankan tugas-tugas kesukarelawanan. Jasa anda hanya Allah yang mampu membalaunya." **WK**



"Jaga hati sesama kita" - Ifa Raziah



TERUSKAN hargai keamanan yang kita kecapai hari ini dengan menjaga hati sesama kita. Kadang-kadang kita melakukan kesilapan tanpa disedari, jadi berhati-hatilah dalam setiap perkataan atau perbuatan yang kita lakukan.

"Kepada para petugas di Rumah Prihatin, terima kasih kerana telah melakukan yang terbaik demi kepentingan rakyat. Tanpa anda, usahakan kerajaan agak terbatas dalam menangani masalah ini." **WK**

Ramlah Ram puji Rumah Prihatin

SELAMAT menyambut Hari Kemerdekaan yang ke 64. Hargailah kemerdekaan ini dengan bersatu dalam memajukan negara. Jangan kerana adanya perbezaan politik, boleh menyebabkan persengketaan sesama kita.

"Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Sukarelawan Wilayah Prihatin kerana berikan yang terbaik demi warga wilayah.

"Saya juga mendoakan agar Rumah Prihatin terus menjadi harapan buat rakyat yang sememangnya memerlukan tempat bergantung." **WK**



Jangan ada sengketa - Aina Abdul

SEMPENA ulang tahun kemerdekaan ini, marilah kita bersatu menentang COVID-19. Nampak macam peringatan yang sering diulang di mana-mana, namun inilah peringatan paling bermakna buat masa ini.

"Tolonglah jangan bersengketa antara kita. Bagaimana kita nak merdeka dari cengkaman COVID-19 jika tiada persefahaman antara kita.

"Ini tanggungjawab bersama bukan individu. Semoga hidup kita semua sentiasa dirahmati Allah dan kita semua boleh kembali hidup normal seperti biasa." **WK**

"Tolak fahaman berbeza" - Rozita Che Wan

LAUNGAN merdeka oleh Pak Ungku, bendera Malaysia berkibar megah, Malaysia merdeka tanah airku, terus cemerlang berjuang gagah.

"Harapan saya, kita tolak fahaman yang berbeza dan sama-sama kita bersatu padu untuk memerangi COVID-19.

"Selamat menyambut Hari Kemerdekaan buat semua rakyat Malaysia terutamanya sukarelawan-sukarelawan di Rumah Prihatin." katanya **WK**



#1 Ola Bola

Pengarah: Chiu Keng Guan
Pelakon: JC Chee, Luqman Hafizd, Saran Kumar Manokaran

FILEM *Ola Bola* mengangkat kisah benar pemain bola sepak negara era 80-an untuk bangkit daripada kekecewaan, sekali gus muncul wira negara apabila Malaysia layak ke Sukan Olimpik Moscow, Rusia pada 1980.

Pasukan bola sepak negara ketika itu berdepan dengan cabaran apabila pemain-pemainnya

mempunyai perbezaan pendapat dan tidak sehaluan sehingga menyebabkan kekalahan dalam perlawanan penting. Keadaan semakin rumit apabila hampir setiap pemain mempunyai isu dan masalah masing-masing.

Walau bagaimanapun, mereka hanya mempunyai satu peluang untuk beraksi di persada mata dunia. Jadi, barisan pemain harus mengetepikan hal peribadi demi mengharumkan nama negara. Ketika semangat kembali menyemarak dalam

diri, pasukan negara sekali lagi diduga dengan satu cabaran yang mematahkan semangat mereka dan harapan negara.

Ola Bola yang diilhamkan dari peristiwa sebenar ini akan membawa penonton dari pelbagai bangsa untuk sama-sama merasai semangat bersatu hati dan muhibah. Kisah yang penuh iktibar ini akan membawa penonton melihat semangat, keunikan dan kekuatan yang terdapat dalam kepelbagaian bangsa di Malaysia. **WK**

Tema kenegaraan dan perpaduan dalam empat filem Malaysia



DIANA SYUHADA MOHD AMIR


SALAM Merdeka buat pembaca *Wilayahku!* Meskipun sudah memasuki bulan September namun semangat patriotik itu

masih perlu diteruskan kerana kita bakal menyambut Hari Malaysia pada 16 September ini.

Filem bertemakan kenegaraan dan perpaduan kaum sangat penting dalam membawa mesej bercorak perpaduan dan mampu memberi kesedaran kepada rakyat

agar dapat bersama-sama memperkuuhkan semula perpaduan kaum yang adakalanya tampak goyah.

Edisi kali ini, *Wilayahku* kongsikan empat filem perpaduan bagi menyemarakkan lagi semangat patriotik dalam sanubari rakyat Malaysia.

WK

#3 Adiwiraku

#2 Estet

Pengarah: Mamat Khalid
Pelakon: Farid Kamil, Shashi Tharan, Sofi Jikan

ESTET menceritakan tentang kehidupan di Estet Cinta Manis yang terkenal dengan keharmonian masyarakatnya tetapi tiba-tiba digemparkan dengan berita mengenai perlawanan bola sepak yang akan diadakan bersama Estet Red Cobra.

Farid dan Shashi, dua pekerja estet yang berkawan sejak kecil. Mereka menjadi harapan pekerja estet yang lain untuk menyelamatkan penindasan yang dilakukan oleh kerani estet, Pooniah. Seorang gadis cantik, Geetha tertawan dengan *heroism* dan kebenaran hati Farid dan Shashi.

Apa yang mengejutkan, perlawanan bola sepak itu sebenarnya diadakan kerana Pooniah ingin menuntut hutangnya daripada Subramiam, bapa Geetha dan jika Subramiam yang mewakili Estet Cinta Manis tewas dalam perlawanan itu, Geetha kan menjadi milik Pooniah. Berjayakah Farid dan Sashi menyelamatkan Estet Cinta Manis dan Geetha dalam perlawanan itu? **WK**



#4 Kolumpo


Pengarah: Sheikh Munasa, Bront Palarae, Rozi Izma
Pelakon: Sharifah Amani, Azad Jasmin, Ruminah Sidek

KOLUMPO mengetengahkan kisah pelbagai kaum di ibu kota Kuala Lumpur yang jarang diberi perhatian. Menariknya, filem ini menggabungkan kesemua kaum utama iaitu Melayu, Cina, India tetapi mengekalkan dialog dalam bahasa ibunda masing-masing.

Bercerita tentang harapan dan impian warga kota Kuala Lumpur,

filem ini membawa penonton ke latar Pasar Seni ke KLCC sampai ke Setapak, filem ini mengaitkan cerita-cerita tentang harapan dan impian warga kota Kuala Lumpur.

Mempunyai tiga jalan cerita berlainan namun pergabungan ketiga cerita ini akan menghasilkan sebuah kolaidaskop hidup di bawah langit kota Kuala Lumpur yang bakal menyayat dan mencuit hati para penonton. Jangan lupa untuk tonton *Kolumpo* pada hujung minggu ini!

WK

KOLUMPO

pelajar sebenar Sekolah Menengah Pinang Tunggal, Sungai Petani, Kedah yang merupakan pelajar asal yang terlibat dalam pertandingan *Choral Speaking* peringkat negeri.

Filem ini menitikberatkan nilai percaya diri dan tidak mengharapkan bantuan daripada orang lain untuk mencapai matlamat hidup. Sebaliknya kita harus berhenti merungut kerana usaha itu perlu bermula dari diri sendiri.

Adiwiraku sarat dengan nilai moral jadi tidak hairanlah ramai yang menyeka air mata saat menonton filem ini. **WK**

Sarapan pagi yang sihat dan mudah menggunakan lima bahan



SABRINA SABRE

BAGI mendapatkan tubuh badan yang sihat, semestinya pengambilan makanan sihat amatlah perlu. Jika kena dengan resipi sihat, pasti hasil masakannya sedap.

Ingin memulakan hari sarapan pagi dengan makanan sihat, tapi takut tidak berselera? Jangan risau, makanan sihat bukan semestinya mempunyai rasa yang tidak sedap.

Tak percaya? Anda boleh cuba membuat resipi sihat mengikut lima menu makanan sihat seperti akhbar Wilayahku kongsikan di bawah ini.

Ayam buttermilk panggang

BAHAN-BAHAN

1 cawan buttermilk
Sedikit serbuk thyme
4 ulas bawang putih
½ sudu teh garam
1 ½ potongan ayam bahagian dada

CARA PENYEDIAAN

- Letakkan buttermilk, thyme, bawang putih dan garam di dalam mangkuk

besar.

- Masukkan potongan ayam dan gaulkannya sehingga campuran buttermilk tersebut meliputi keseluruhan bahagian ayam.
- Perap dan sejukkannya selama sekurang-kurangnya 8 jam di dalam peti sejuk.
- Ambil ayam yang telah diperap tadi dan panggang di atas kuali



pemanggang dengan menggunakan api yang sederhana.

- Masak sekitar 5 hingga 7 minit sebelum membalikkannya. **WK**

Keledek bakar

BAHAN-BAHAN

4 biji keledek
½ cawan yogurt
1 biji epal dipotong dadu
2 sudu madu
¼ cawan serbuk kelapa disangai

CARA PENYEDIAAN

- Panaskan ketuhar pada suhu 200°C. Letakkan 4 biji keledek pada loyang dan masukkan ke dalam ketuhar.
- Bakar keledek tersebut sehingga lembut iaitu sekitar 45 minit.
- Ambil pisau dan potong keledek tersebut dengan hirisannya berbentuk X. Buka kulit keledek dan lenyekkan isi keledek dengan menggunakan garpu.
- Letakkan bahan-bahan lain iaitu yogurt, potongan epal, madu dan juga serbuk kelapa sebagai topping keledek tersebut.
- Gaulkannya sebelum anda mula menikmatinya. **WK**

Sandwich tomato dan avokado

BAHAN-BAHAN

½ biji avokado
4 keping roti gandum penuh
1 biji tomato dihiris nipis
2 biji bawang merah dicincang halus
2 sudu mayones



CARA PENYEDIAAN

- Lenyekkan avokado sehingga hancur menjadi seperti pes.

- Sapukan pes avokado pada dua keping roti yang telah dipanggang.
- Letakkan hirisana tomato dan bawang merah yang telah dicincang ke atasnya. Tuangkan sedikit mayones pada hirisana tomato tersebut.
- Tutup dengan kepingan roti dan nikmati sandwich anda. **WK**

Gulungan ayam pesto

BAHAN-BAHAN

4 keping hirisana dada ayam
½ cawan pesto
50 gram cendawan dihiris
Parutan keju Mozarella
Secubit garam

CARA PENYEDIAAN

- Panaskan ketuhar pada suhu 180°C. Ketukarkan kepingan dada ayam dengan menggunakan kayu penggelek sehingga menjadi lebih nipis.
- Sapukan pesto pada kepingan ayam tersebut.
- Taburkan hirisana keju Mozarella di atas hirisana ayam tadi.
- Gulungkan ayam dan tusukkan pencungkil gigi pada gulungan ayam tersebut agar tidak terbuka.
- Masukkan ke dalam ketuhar dan bakar ayam dalam tempoh 30 minit sehingga ayam menjadi masak dan berwarna putih.
- Setelah ayam masak, keluarkan ayam tersebut daripada ketuhar dan tuangkan baki sos pesto pada ayam tersebut bersama dengan hirisana keju.

- Tukarkan tetapan ketuhar kepada 'broil' dan masukkan kembali ayam ke dalam ketuhar untuk seketika waktu lagi. Biarkan keju menjadi cair dan sedikit perang dalam tempoh 3 hingga 5 minit sebelum dikeluarkan.
- Tanggalkan pencungkil gigi dan potong gulungan ayam tersebut. Hidangkan. **WK**



Telur kacau kari

BAHAN-BAHAN

8 biji telur
¼ cawan susu
½ sudu teh serbuk kari
¼ sudu teh garam
Sedikit serbuk lada putih
2 biji tomato dipotong dadu

CARA PENYEDIAAN

- Dalam mangkuk yang besar, pukul telur, susu, serbuk kari, garam dan

- lada sulah.
- Letakkan kuali non-stick dan masukkan sedikit minyak masak ke dalamnya.
- Tuangkan campuran telur tersebut. Masak dan kacau sehingga telur mula menebal dan tidak ada lagi telur yang masih cair. Kemudian, tutup api.
- Hidangkan telur tersebut bersama dengan potongan tomato. **WK**

Ini makna kemerdekaan bagi saya...



RYAN HO
Anak Jati Kuala Lumpur

SETIAP orang pasti mempunyai kenangan menyambut Hari Kebangsaan sewaktu zaman kanak-kanak dahulu. Tidak kira sama ada pengalaman itu dirasai depan mata iaitu pergi ke lokasi yang menganjurkan perarakan Hari Kebangsaan atau hanya melihat di kaca televisyen sahaja.

Bagi saya, 31 Ogos merupakan hari yang begitu menggembirakan. Walaupun masih belum mengetahuierti sebenar 'merdeka', tapi ketika itu saya faham hari tersebut perlu diraikan.

Mengimbau kembali kenangan saya semasa kecil dahulu, saya ingat lagi, ketika itu saya memakai pakaian mengikut warna Jalur Gemilang. Kemudian, saya akan mengibarkan Jalur Gemilang dan berdiri di hadapan televisyen untuk melihat perarakan Hari Kebangsaan.

Saya begitu seronok melihat perarakan Hari Kebangsaan walaupun hanya melalui televisyen, saya dapat merasai suasana begitu meriah. Suasana yang penuh dengan warna-warni. Semua orang bersemangat menyanyikan lagu Negaraku dan mengibarkan Jalur Gemilang. Saya begitu teruja melihat perarakan kereta berhias, perbarisan pasukan seragam dan aset ketenteraan yang menyertai acara tersebut.

Laungan 'Merdeka! Merdeka! Merdeka!' masih terciang-nciang sehingga kini. Saya pasti semua kanak-kanak pasti akan



teruja apabila melihat perarakan Hari Kebangsaan ini apatah lagi kalau dapat melihat secara terus di Dataran Merdeka. Pasti perasaannya berbeza daripada melihat di kaca televisyen.

Namun, tahun ini, perarakan Hari Kebangsaan tidak boleh dianjurkan akibat penularan COVID-19. Walaupun jumlah populasi dewasa yang sudah lengkap menerima dua dos vaksin telah melebihi 50 peratus, namun kita masih perlu berjaga-jaga kerana tidak mahu kes positif harian semakin meningkat.

Tiada perarakan bukan bermakna Hari Kemerdekaan terus dilupakan. Kita masih boleh meraikan dengan cara yang selamat. Kita masih boleh mengibarkan Jalur Gemilang di kediaman masing-masing dan memutarkan lagu-lagu patriotik yang sememangnya boleh menaikkan semangat kemerdekaan dalam diri.

Ia perlu dilakukan supaya anak-anak generasi kini tidak hanyut dengan kecanggihan teknologi sehingga alpa dengan pengorbanan generasi terdahulu dalam menuntut kemerdekaan

Malaysia. Jangan sampai mereka lupukan nama-nama besar seperti 3 sekawan Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun Sambathan yang memperjuangkan kemerdekaan negara serta mencerminkan perpaduan masyarakat Malaysia.

Merdeka bukan sekadar bebas daripada penjajahan fizikal semata-mata, tetapi kita juga harus merdeka atau bebas daripada ancaman budaya dan pemikiran. Kita perlu membebaskan jiwa dan minda daripada segala dakyah sesat dan sempit dengan menggunakan pemikiran rasional, ajaran agama serta akhlak yang baik.

Ini dapat dikaitkan dengan situasi yang berlaku di negara kita sekarang ini. Bagaimana kita boleh yakin bahawa diri kita sudah bebas sedangkan masih ada pihak-pihak yang percaya dengan maklumat palsu mengenai vaksin COVID-19? Bagaimana kita yakin bahawa kita sudah benar-benar bebas, sedangkan kita masih percaya bahawa bilangan puluhan ribu kes positif COVID-19 yang dicatatkan itu adalah mainan angka kerajaan? Adakah itu bermakna kita sudah bebas?

Kita benar-benar bebas jika golongan seperti ini tidak wujud dan semua rakyat di negara ini akan mengambil suntikan vaksin COVID-19 sekaligus melenyapkan wabak merbahaya ini.

Jika ini berlaku, kita akan dapat mengecap kebebasan itu semula. Kita akan dapat terus berkumpul dan bergerak bebas seperti sebelum ini dan berpeluang untuk melihat perarakan Hari Kebangsaan bagi menghidupkan kembali semangat patriotik dalam diri.

Kita semua sudah dididik sejak di bangku sekolah lagi bahawa kemerdekaan yang dikehendaki oleh negara ini hasil daripada pengorbanan pemimpin dan rakyat terdahulu. Itu tidak bermakna generasi kini tidak boleh melakukan apa-apa untuk membebaskan negara daripada pandemik ini.

Siapa kata kita tidak boleh berkurban untuk negara? Siapa kata kita tidak mampu menyumbang apa-apa kepada negara? Ketika ini, pengorbanan dan sumbangan kita amat diperlukan. Bukan pengorbanan fizikal seperti keluar berperang atau sumbangan wang ringgit yang diperlukan, tetapi kita hanya perlu patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Saya faham, kita merindui kehidupan seperti sebelum ini, yang boleh bergerak bebas ke mana-mana, tanpa memakai pelitup separuh muka, dan tanpa menjaga penjarakan di antara kita. Tetapi kita perlu pahat dalam diri kita, keadaan sekarang tidak lagi sama seperti dulu. Kita perlu biasakan diri untuk hidup bersama COVID-19 dan sentiasa mematuhi SOP.

Jika kita mahu bebas daripada pandemik ini, jangan pentingkan diri sendiri. Patuhi saranan kerajaan, ambil suntikan vaksin yang telah disediakan. Buat masa ini, vaksin adalah cara yang kita ada untuk berpeluang hidup seperti dulu. Kita pasti menang!

Bagi diri saya, kemerdekaan atau kebebasan bermaksud kita mempunyai hak untuk dilindungi seperti yang termaktub di dalam Perlumbaan Negara termasuk dalam aspek kebebasan bersuara, berpersatu dan kesamarataan. Kita juga mempunyai hak untuk hidup bebas daripada penindasan dan campur tangan pihak asing.

Kita perlu hidupkan semula semangat Merdeka dalam diri. Untuk menjayakannya pelbagai pihak perlu memainkan peranan khususnya kerajaan. Pendekatan proaktif perlu dilaksanakan bagi menerapkan nilai kemerdekaan dalam diri setiap rakyat. Jangan hanya melaungkan kata-kata Merdeka, tapi tidak menghayati maksud sebenar.

Jika dahulu kita ingin merdeka daripada penjajah, tetapi kini setelah bebas adakah kita benar-benar hidup dalam keadaan harmoni? Fikir-fikirkanlah. Kita seharusnya bersyukur hidup di dalam negara yang aman. Walaupun berbilang kaum, bangsa dan agama, tetapi kita masih mempunyai semangat kebersamaan ketika ditimpah musibah.

Merdeka dan bebaskan diri serta jiwa kita daripada anasir-anasir negatif yang boleh mendatangkan kemudarat kepada diri. Semoga Hari Kemerdekaan ke-64 ini memberi seribu satu harapan buat kita semua dalam memerangi pandemik COVID-19. Kita pasti menang! **WK**

Rumah Prihatin harap sokongan orang ramai, syarikat korporat

ORANG ramai dan syarikat korporat diminta terus menyokong Rumah Prihatin@GrandSeasons di Jalan Pahang di sini, bagi memastikan ia kekal beroperasi.

Pengasas Rumah Prihatin **Tan Sri Annuar Musa** berkata, hebahan melalui media mengenai program yang dilaksanakan di Rumah Prihatin@Grand Seasons, mampu menarik sokongan dan bantuan pelbagai pihak.

"Rumah Prihatin ini rumah rakyat. Kalau rakyat tidak sokong...barang yang keluar lebih banyak daripada masuk, dikhawatir Rumah Prihatin tidak dapat bertahan lama," katanya kepada pemberita selepas melancarkan mesin layan diri beras di Rumah Prihatin@GrandSeasons Selasa.

Program RumahPrihatin@GrandSeasons yang mula beroperasi 15 Julai lepas,

merupakan satu inisiatif yang berkonsepkan hotel kebaikan untuk rakyat terkesan akibat COVID-19, khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan seperti golongan miskin bandar dan yang menghadapi tekanan kesihatan mental.

Annuar yang merupakan Menteri Komunikasi dan Multimedia berkata, sokongan pelbagai pihak boleh membantu Rumah Prihatin yang dikendalikan sukarelawan dan pertubuhan bukan kerajaan itu, untuk menambah cawangan mesin layan diri beras selepas ini.

Mesin layan diri beras yang dilancarkan hari ini, menyediakan satu tan beras setiap hari dengan setiap penerima layak mengambil maksimum tiga kilogram beras, dengan membawa bekas sendiri.

Annuar juga menggalakkan pelbagai pihak untuk menyumbang alat mainan baru

dan terpakai yang masih elok, kepada 'Toy Bank Prihatin' yang beroperasi di Rumah Prihatin@Grand Seasons.

Beliau yang turut melancarkan Toy Bank Prihatin hari ini berkata, ia bertujuan menggalakkan masyarakat untuk peka kepada kesihatan mental kanak-kanak.

Ibu bapa daripada golongan yang memerlukan, boleh membawa anak-anak mereka ke Toy Bank untuk mendapatkan mainan secara percuma.

Annuar juga berkata, sukarelawan Jelajah Prihatin, program amal di bawah Rumah Prihatin, akan menyantuni keluarga daripada golongan yang memerlukan bagi mengenal pasti sama ada mereka mengalami depresi, memerlukan sebarang tindakan susulan dan sudah mendapat bantuan untuk pembelian barang keperluan asas. **WK**



SHAHIDAN (dua kiri) semasa menghadiri program kasih Merdeka yang diadakan di RumahPrihatin @GrandSeasons baru-baru ini.



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

HARI itu, Rabu 1 Februari 1984 adalah cuti umum meraikan ulang tahun ke 10 Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan. Sebelum 1 Februari 1974 Kuala Lumpur berada dalam negeri Selangor.

Hari itu juga seolah-olah meraikan genap sebulan saya meninggalkan kampung halaman di Perlis dan berkelana di kota. Genap sebulan mula bertarikh sebagai wartawan, berdepan pula dengan persekitaran yang amat asing dan cabaran kerja yang bukan calang-calang.

Sepi yang indah di kampung, berganti hingar bingar deru kenderaan yang tidak pernah henti. Tetapi nostalgia aroma hujan bulan Januari yang jatuh atas jerami tidak pernah padam. Itulah keindahan kampung yang saya nikmati – sejak kecil hingga hari melangkahkan kaki ke kota.

Hujan awal Februari senja itu baru sahaja reda. Tetapi dingin angin dalam deru kereta terus menggigit.

Tatkala menyusur dari Masjid Jamek melalui celah-celah bangunan lama terasa persekitaran agak muram. Kemudian memblok ke Lorong Katak, gerai-gerai yang diterangi lampu mentol bujur kekuningan.

Mula jalan basah berkabus memercik bias cahaya lampu kenderaan yang hilir mudik. Ini satu pemandangan baharu sejak sebulan di kota yang riuh dalam sunyi ini. Saya mulai suka suasana begitu, apa lagi mengisi waktu cuti sambil berkenalan dengan Kuala Lumpur.

Di Lorong Katak, selang satu lot bangunan dengan pasar basah Central Market, beberapa orang berbual dalam irama hujan senja yang syahdu. Di depan mereka ada gelas-gelas minuman masih berasap. Sesekali ketawa berderai kemudian sepi dan ketawa lagi.

Senja Februari pertama di KL

“Sebenarnya tidak pernah terbayang Kuala Lumpur akan menjadi pintu rezeki. Kuala Lumpur hanya melintas dalam khayalan dan mimpi, tetapi hampir tidak berlaku di alam nyata.”

Sejak sebulan, saya mulai menangkap satu daripada karakter Kuala Lumpur. Pantas. Semuanya pantas seolah-olah tidak masa untuk bersenang-senang, berlengah-lengah. Orang kota berjalan seperti berlari mengejar bas mini. Turun dari bas mini mereka berkejaya lagi entah ke mana haluannya.

Senja itu Kuala Lumpur terus sibuk. Ngauman bas mini macam hendak bergaduh gayanya. Motor kapcai menyelit di celah-celah kenderaan lain bagi tidak sayangnya nyawa.

Ternyata hujan tidak pernah menghentikan denyut nadi Kuala Lumpur. Kehidupan terus bergerak seperti tidak ada apa-apa.

Taksi terus berlegar-legar sambil pemandunya tertinjau-tinjau mencari penumpang. Tentunya mengharapkan ada terselit sedikit rezeki untuk dibawa pulang kepada keluarga.

Wajah pemandunya lesu dan lelah. Ada tua dan juga muda. Kasihan juga melihat yang sebaya ayah terus tabah mencari rezeki dalam sesak Kuala Lumpur yang amat menyiksa itu.

Menjadi pemandu teksi di Kuala Lumpur bukan mudah. Sekali tersangkut dalam kesesakan, masa dua tiga jam terbuang tanpa upah. Banyak yang menyewa teksi daripada tauke.

Tolak sewa, minyak dan upah cuci setiap hari, yang berbaki di tangan tidak sepadan lelahnya.



KUALA Lumpur memang banyak pintu rezeki tetapi tidak mudah membukanya tanpa tekad dan sabar. Foto: Unit Foto DBKL

Tetapi mereka tidak ada pilihan.

Beberapa kali juga saya berpeluang mencungkil kisah hidup pemandu teksi termasuk yang usianya lewati 70-an.

Pada usia sedemikian, seharusnya berada di rumah menikmati apa yang ada. Melayan anak-anak dan cucu. Tetapi takdir manusia tidak sama. Ada yang terpaksa bergelut mencari rezeki dalam keadaan tidak berdaya.

Sebenarnya tidak pernah terbayang Kuala Lumpur akan menjadi pintu rezeki. Kuala Lumpur hanya melintas dalam khayalan dan mimpi, tetapi hampir tidak berlaku di alam nyata.

Daripada kawan-kawan yang pernah berkelana di kota ini, Kuala Lumpur amat gemerlap. Tetapi ini bertentangan dengan saya pencinta sunyi yang damai.

Tetapi sudah ditakdirkan saya ke Kuala Lumpur juga sebagai wartawan. Dengan gaji yang kecil, saya hampir tidak pernah membayangkan cita-cita dan masa

menjadi stesen akhir laluan bas mini.

Saya menjauhkan diri dari Chow Kit yang ada penyakit sosial yang tersendiri. Cuma di Chow Kit mudah bagi orang bujang – banyak gerai makan.

Lagu Senyumlah Kuala Lumpur oleh Alleycats dan Senja Di Kuala Lumpur nyanyian Broery Marantika menjadi begitu sentimental. Tetapi dalam masa sebulan saya belum bertemu dengan sisi romantis kota ini seperti yang terungkap dalam Senja Di Kuala Lumpur.

Utusan Melayu yang menempatkan saya di tengah-tengah kota – bergaul dengan pelbagai lapisan manusia. Daripada yang serendahnya di kaki lima hingga setinggi-tingginya. Tahun demi tahun saya mulai akrab dan memahami resam manusia.

Semua yang dilihat itu sangat membantu memahat rupa fikir dalam karya-karya kewartawanan saya. Kerjaya saya berhubung kait dengan manusia, kaya miskin, kuat dan lemah. Kuala Lumpur menjadi sekolah kehidupan yang tidak tertanding dalam melentur rasa manusia saya.

Karakter kota ini memang sangat materialistik, perlumbaan memburu kekayaan pelbagai jurusnya – ada putih dan gelapnya.

Wajah malamnya sentiasa gemerlap, tetapi seperti kota-kota lain juga hanya kelktu sahaja yang tewas dengan percikan cahaya. Bagaimanapun selepas 37 tahun berkampung di kota ini, ternyata tanggapan awal saya tidak semua benar.

Memang ada yang rakus dan hilang manusianya. Tetapi banyak juga manusia baik dan pekerti tinggi. Kuala Lumpur memang banyak pintu rezeki tetapi tidak mudah membukanya tanpa tekad dan sabar.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM7,500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM5,500
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM4,500
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px	RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

1,625 petani terima pelbagai insentif



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

SERAMAI 1,625 golongan petani di sini menerima pelbagai insentif yang disediakan oleh kerajaan menerusi Jabatan Pertanian Labuan bagi merancakkan industri pertanian.

Pengarah Jabatan Pertanian Labuan, Mohd Jurijh Abdullah Fauzi berkata, lebih sejuta ringgit telah disediakan oleh kerajaan dalam bentuk insentif 2021 bagi mengurangkan kebergantungan hasil import luar.

"Pelbagai insentif disediakan antaranya Insentif Pembangunan Tanaman Buah Jangka Panjang, Pembangunan Tanaman Jangka Pendek, Pembangunan Komuniti, Agro Food Park, Sayuran,

Pembangunan Industri Cendawan, Projek Pertanian Organik, Program Kebuniti dan Pengukuhan myGAP.

Beliau berkata sedemikian dalam ucapannya pada Majlis Penyerahan Insentif dan Promosi Buah-Buahan Tempatan di Jabatan Pertanian Labuan, di sini pada Ahad lalu.

Tambahnya, pada tahun lalu sebanyak 563 metrik tan buah-buahan dikeluarkan yang melibatkan pelbagai jenis tanaman termasuk durian, manggis, rambutan dan sebagainya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Rithuan Mohd Ismail.

Sementara itu, Ahli Dewan Negara Senator Datuk Bashir Alias dalam ucapannya berkata, insentif yang disediakan oleh kerajaan itu membantu para petani agar meningkatkan lagi hasil pendapatan mereka.

Beliau berkata dengan insentif itu bukan sahaja menyuntik



BASHIR (lima dari kiri) diiringi RITHUAN (empat dari kanan), JURIJH (tiga dari kiri) bersama dengan penerima (petani) yang telah menerima insentif daripada Jabatan Pertanian Labuan pada Majlis Penyerahan baru-baru ini.

semangat para petani agar lebih berkeyakinan malahan ia sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan

kepada warga Labuan.

"Insentif ini jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan menyantuni

warga Labuan agar bergerak seiring dengan pembangunan di negeri lain," katanya. WK



BAHSIR (empat dari kiri) menyerahkan sumbangan daging lembu kepada Ketua Kampung secara pandu lalu di Perkarangan Jabatan Veterinar Labuan, pada Sabtu.

Golongan asnaf, frontliner terima daging lembu sempena Hari Kebangsaan

SEBANYAK 800 pak daging lembu diagihkan kepada golongan asnaf, B40 dan petugas barisan hadapan di sini, bersempena Program Semarak Bulan Kebangsaan 2021 anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Labuan.

Pengaruhnya, Sharidah Zainal Abidin berkata, sumbangan itu merupakan sumbangan dari syarikat QSR Brand Sdn Bhd yang telah menyumbangkan sebanyak 10 ekor lembu untuk diagihkan kepada golongan sasar.

"Sebanyak 500 pak daging akan diagihkan kepada golongan sasar yang telah dikenal pasti di 27 buah kampung yang diselaraskan oleh Ketua-Ketua

Kampung masing-masing.

"Manakala 300 pak lagi akan diagihkan kepada petugas barisan hadapan," katanya kepada pemberita di Program Sumbangan Daging Lembu Kepada Golongan Sasar dan Petugas Barisan Hadapan secara pandu lalu di Perkarangan Jabatan Veterinar Labuan, pada Sabtu.

Program itu disempurnakan oleh Ahli Dewan Negara Senator Datuk Bashir Alias secara pandu lalu di Perkarangan Jabatan Veterinar Labuan, pada Sabtu.

Bashir berharap program yang diadakan sepanjang bulan Kebangsaan ini dapat memupuk semangat patriotisme di kalangan masyarakat khususnya.

penduduk di pulau ini yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

"Tahniah dan syabas kepada JAWI dan jabatan yang terlibat yang telah menjayakan program ini dan kita ucapkan ribuan terima kasih kepada syarikat QSR Brand yang telah menyumbangkan 10 ekor lembu untuk diagihkan kepada golongan sasar B40 dan petugas barisan hadapan," katanya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Rithuan Mohd Ismail, Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Labuan Mohd Hafiez Daud dan Pengarah Jabatan Veterinar Labuan Dr Marysia James Abie. WK

MAIWP salur RM17,000 kepada dua sekolah agama KAFA

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan menyalurkan bantuan kepada dua sekolah agama KAFA di sini menerusi Skim Bantuan Aktiviti Dakwah dan Kebajikan bernilai RM17,000.

Menurut Pengurus MAIWP Labuan, Fadzli Md Saad, bantuan itu disalurkan bertujuan membantu pihak KAFA menampung pembelian kelengkapan kelas tidak mencukupi.

Katanya, bantuan yang disalurkan itu menjadi persediaan dua KAFA itu sebelum sesi pembukaan sekolah akan datang.

"Kita mengharapkan bantuan-bantuan ini dapat memberi manfaat dan kemudahan kepada seramai 148 pelajar apabila sesi persekolahan dibuka semula nanti," katanya kepada pemberita

selepas menyerahkan bantuan itu kepada KAFA Perumahan LDA Sungai Bedau dan KAFA Masjid Adam Kampung Lajau, pada Sabtu lalu.

Fadzli berkata, bantuan itu turut digunakan untuk pembelian peralatan kelengkapan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK).

Dalam perkembangan lain, Fadzli memaklumkan tahun ini pihaknya telah menyalurkan bantuan kepada 5,860 pelajar asnaf di pulau ini menerusi Bantuan Am Persekolahan Baitulmal membabitkan sejumlah RM 5.7 juta.

"Ia melibatkan pelajar-pelajar di Sekolah Menengah, Sekolah Rendah dan Sekolah Rendah Agama di Labuan," katanya lagi. WK



FADZLI (kanan) menyerahkan replika cek sumbangan kepada Penyelia KAFA Masjid Adam.



SOALAN
A SSALAMUALAIKUM
 Datuk. Saya nak vaksin
 tapi suami saya tak
 izinkan langsung, sebab saya
 isteri dia kena dengar kata
 dia dalam undang-undang
 perkahwinan. Macam mana saya
 nak defend diri saya? Saya sedih.

JAWAPAN

Alhamdulillah, segala puji
 bagi Allah SWT, selawat dan
 salam kepada junjungan besar
 Nabi Muhammad SAW, ahli
 keluarga Baginda SAW, para
 sahabat serta mereka yang
 mengikuti jejak langkah baginda
 sehingga hari Kiamat.

Sistem kekeluargaan Islam
 sangat menekankan aspek
 tanggungjawab atau hak-hak
 antara suami dan isteri.

Suami isteri mesti
 bertanggungjawab dalam
 memastikan segala hak tersebut
 dilaksanakan dengan baik.

Hal ini kerana, sebarang
 bentuk pengabaian terhadap
 hak dan tanggungjawab boleh
 menyebabkan keruntuhannya dan
 kecelaruan berlaku dalam rumah
 tangga. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Dan isteri-
 isteri itu mempunyai hak
 yang sama seperti kewajipan
 yang ditanggung oleh mereka
 (terhadap suami) dengan cara
 yang sepatutnya (dan tidak
 dilarang oleh syarak); dalam
 pada itu orang-orang lelaki
 (suami-suami itu) mempunyai
 satu darjah kelebihan atas orang
 orang perempuan (isterinya)."

Surah al-Baqarah (228)

Imam al-Thobari dalam
 menjelaskan ayat di atas,
 beliau menukilkan kata-kata
 al-Dhahhak bahawa suami
 perlu berkelakuan baik serta
 bertanggungjawab menunaikan
 hak-hak isteri dengan sebaik
 mungkin jika isteri mereka
 merupakan orang yang taat
 kepada Allah dan suami.

(Rujuk: Jaami' al-Bayan li al-Thobari, 4/531)

Selain itu, aspek kesihatan
 dan keselamatan isteri
 merupakan antara hak yang
 wajib dipelihara oleh suami.

Hal ini kerana ia termasuk

Hukum isteri mengambil vaksin tetapi dilarang oleh suami



HUKUM penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan.

dalam salah satu tuntutan
 syarak dan berada dalam
 kategori al-Dharuriyyat al-
 Khamsah yang wajib setiap
 individu memeliharanya. Imam
 al-Ghazali R.H menjelaskan di
 dalam kitabnya:

Maksudnya: "Dan tujuan
 Syari'at itu ada lima, iaitu: untuk
 memelihara agama, nyawa, akal,
 keturunan dan harta mereka."

(Rujuk: al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul, 174)

Memelihara nyawa
 merupakan prinsip yang kedua
 terpenting mengikut urutan
 keutamaan untuk dijaga selepas
 memelihara agama.

Justeru, ikhtiar perubatan
 adalah bertujuan memelihara
 nyawa termasuklah mengambil
 vaksin.

Tambahan pula, dalam
 keadaan wabak yang
 semakin kritisial adalah satu
 keperluan untuk seseorang
 itu mendapatkan vaksin bagi
 mencegah jangkitan COVID-19.

Sebagai seorang Muslim,
 syariat Islam telah mengajar
 kita supaya sentiasa merujuk
 kepada pakar dalam bidangnya.
 Berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya: Oleh itu
 bertanyalah kamu (wahai
 golongan musyrik) kepada orang-

orang yang berpengetahuan
 agama jika kamu tidak
 mengetahui.

Surah al-Nahl (43)

Oleh yang demikian, umat
 Islam perlu menjaga kesihatan
 tubuh badan agar memelihara
 kelangsungan hidup yang
 berpanjangan.

Lebih-lebih lagi dunia ini
 sedang dilanda dengan wabak
 yang boleh membawa kepada
 kematian.

Oleh itu, kita perlu mencegah
 diri kita daripada mudarat
 wabak tersebut dengan kaedah-
 kaedah yang ditetapkan oleh
 pemerintah seperti pematuhan
 SOP dan pengambilan vaksin.
 Salah satu kaedah fiqh yang
 masyhur menyatakan:

Maksudnya: Kemudarat itu
 disingkirkan.

**(Rujuk: Al-Asybah wa al-
 Nazhoor, al-Subki, 1/41)**

Berdasarkan kaedah
 ini, Syeikh Mustafa Al-
 Zarqa menjelaskan bahawa
 sesuatu kemudarat itu
 WAJIB dihilangkan atau
 disingkirkan.

Kaedah ini berkaitan
 dengan kemudarat dari
 sudut larangan melakukannya
 dan kewajipan mencegah dan
 menyingirkannya setelah ia

berlaku.

**(Rujuk: Syarah Al-Qawa'id
 Al-Fiqhiyyah, 179)**

Oleh itu, sekiranya
 terdapat sesuatu yang boleh
 mendatangkan ancaman
 terhadap nyawa seperti virus ini,
 maka ia perlulah disingkirkan
 dan dihilangkan.

Antaranya dengan mengambil
 langkah berhati-hati seperti
 pengambilan vaksin. Ia selari
 dengan kaedah fekah ini.

Sebaliknya, perbuatan
 menolak vaksin sehingga boleh
 mendatangkan kemudarat
 adalah tindakan yang
 bertentangan dengan kaedah
 fekah tersebut.

Justeru itu, sekiranya
 terdapat dakwaan bahawa
 vaksin ini akan memberikan
 kesan sampingan kepada
 individu yang menggunakan,
 maka ketahuilah bahawa
 mudarat ini tidaklah sebesar jika
 dibandingkan dengan mudarat
 tidak mengambil vaksin secara
 total.

Hal ini selari dengan kaedah
 yang menyatakan apabila
 bertembung dua mafsadah atau
 keburukan maka hendaklah kita
 lakukan mafsadah yang lebih
 ringan kesannya. Imam Ibnu
 Nujaim menyatakan:

Maksudnya: Apabila
 bertembungnya dua mafsadah,
 maka dipelihara (ditolak)
 mudarat yang paling besar
 dengan melakukan mudarat yang
 lebih ringan.

**(Rujuk: Al-Asybah wa al-
 Nazhoor, Ibn Nujaim, 76)**

Syeikh Mustafa Al-Zarqa'
 kemudiannya menjelaskan bahawa
 maksud meraikan
 kemudarat yang paling
 berat diantara kedua-dua
 mudarat itu adalah
 dengan cara membuangnya
 (meninggalkannya).

Hal ini kerana segala
 kemudarat dipertimbangkan
 untuk kita mengelak daripada
 melakukannya sepetimana
 segala kebaikan dipertimbangkan

untuk kita melaksanakannya.

**(Rujuk: Syarah al-Qawa'id
 al-Fiqhiyyah, 201)**

Dalam isu vaksin ini
 sekiranya benar terdapat
 kesan-sesan sampingan
 seperti demam-demam
 kecil dan seumpamanya,
 maka pengambilannya tetap
 diteruskan kerana ia bertujuan
 untuk mengelakkan kesan
 mudarat yang lebih besar yang
 bakal berlaku sekiranya tidak
 diambil seperti jangkitan wabak
 COVID-19 yang berskala lebih
 besar lagi.

Kesimpulannya,uraian di
 atas telah menjelaskan keperluan
 untuk menyambut usaha murni
 kerajaan ini dengan sebaiknya.

Manakala dari sudut
 hubungan antara suami dan
 isteri pula, secara asasnya
 menjadi kewajipan seorang isteri
 untuk mentaati suami.

Vaksinasi merupakan satu
 bentuk perlindungan diri
 daripada sesuatu penyakit yang
 boleh mengancam nyawa.

Dalam keputusan muzakarah
 MKI juga telah menyatakan
 bahawa hukum penggunaan
 vaksin COVID-19 adalah harus
 dan wajib diambil oleh golongan
 yang ditetapkan.

Pada masa yang sama,
 pihak pemerintah juga telah
 menjalankan program vaksinasi
 secara besar-besaran di seluruh
 negara.

Maka setiap rakyat
 sewajarnya mengambil cakna
 terhadap usaha-usaha ini.

Dalam konteks memelihara
 kerukunan rumah tangga, kami
 menasihatkan kepada isteri agar
 sebaiknya berbincang dengan
 suami masing-masing terlebih
 dahulu berkenaan perkara ini.

Begitu juga para suami
 tidak seharusnya menghalang
 isteri untuk mengambil vaksin
 lebih-lebih lagi itu adalah hak
 isteri bagi mendapatkan kaedah
 perlindungan kesihatan diri
 mereka dengan sebaiknya.

Wallahu'lam.

LHDN serah 100 bakul makanan kepada JAWI untuk warga Putrajaya

SEBANYAK 100 bakul makanan
 diserahkan kepada JAWI oleh
 Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
 dalam Program Semarak Merdeka
 Sumbangan Bakul Makanan, Daging
 Lembu Dan Dapur It'am Merdeka
 Putrajaya 2021 untuk diagihkan kepada
 penduduk-penduduk yang memerlukan
 melalui wakil-wakil penduduk.

Menteri di Jabatan Perdana
 Menteri (Hal Ehwal Agama) **Senator
 Idris Ahmad** berkesempatan untuk
 menyempurnakan program CSR yang
 diadakan di Masjid Mahmoodiah,
 Presint 18 pada Rabu.

Turut hadir dalam program ini ialah
 Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan

Islam Malaysia (JAKIM) Datuk Abd
 Aziz Jusoh, Pengarah JAWI Datuk Haji
 Mohd Ajib Bin Ismail, Pengarah Negeri
 LHDNM WP Putrajaya Mohamad
 Fauzi Saat serta Pengerusi Masjid
 Mahmoodiah Presint 18 Putrajaya Dr
 Shamsudin Mohamad.

Idris berkata, Dapur It'am iaitu
 program agihan makanan percuma setiap
 hari yang digerakkan oleh JAWI dan
 MAIWP sejak awal tempoh pandemik
 COVID-19 melanda negara pada tahun
 lalu akan diteruskan sehingga hujung ta-
 hun ini dengan keseluruhan peruntukan
 berjumlah RM10.8 juta.

Menurutnya, sejumlah 700 pek
 daging segar daripada 10 ekor lembu

sumbangan QSR Brands diagihkan
 kepada golongan yang terkesan dan me-
 merlukan sekitar Putrajaya.

"Sumbangan adalah sebahagian
 daripada 3,500 pek daging segar bermilai
 RM300,000 yang turut diagihkan
 kepada penerima sekitar Kuala Lumpur
 dan Labuan.

"Turut diagihkan 100 pek bakul
 makanan seperti beras, minyak masak,
 gula, tepung dan susu sumbangan
 LHDN bermilai RM10,000.

"Masjid Mahmoodiah Putrajaya juga
 menyumbangkan pakaian perlindungan
 diri (PPE) kepada pasukan petugas pen-
 gurusan jenazah COVID-19 Putrajaya,"
 katanya.



IDRIS Ahmad (dua dari kanan) menyaksikan penyerahan PPE oleh
 Pengerusi Masjid Mahmoodiah Dr Shamsudin Mohamad (kanan) kepada
 Pengarah JAWI Datuk Mohd Ajib Ismail (kiri).

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Pihak Korporat - NGO gembleng kerjasama bantu warga memerlukan

SYAHIDI BAKAR

INISIATIF kerjasama entiti korporat Yayasan Sime Darby dengan badan NGO, Pertubuhan Kebajikan Maju Sejahtera (PKMS) membolehkan penduduk memerlukan di sekitar Wangsa Maju dibantu.

Bantuan berupa barang keperluan asas antaranya seperti beras, susu, gula, tepung, minyak masak, bihun dan lain-lain memanfaat 30 keluarga B40 di Flat Danau Kota, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Wangsa Sari dan Taman Setapak Indah.

Presiden PKMS, **Mohamad Asri Abdul Wahid** berkata, bantuan hasil sumbangan Yayasan Sime Darby diagihkan kepada penduduk yang telahpun memohon melalui Majlis Perwakilan Penduduk atau Penyelaras Parlimen Wangsa Maju.

Pihak PKMS katanya, menjadi medium perantara bagi melancarkan urusan agihan bantuan secara terus kepada penerima di kawasan penempatan masing-masing.

"Sebanyak 30 kotak barang makanan asas telah disumbang Yayasan Sime Darby diagih-



MOHAMAD ASRI ketika turun padang menyerahkan kotak makanan hasil sumbangan Yayasan Sime Darby kepada salah seorang penerima di Wangsa Maju, baru-baru ini.

kepada penerima dengan setiap kotak barang makanan dianggarkan bernilai lebih RM60.

Jadi, sebagai penyelaras bagi usaha membantu masyarakat, kami berharap lebih banyak institusi korporat tampil menyumbang dan meringankan beban golongan rakyat B40 mahupun M40 yang menjadi

kelompok paling ramai terkesan akibat penularan pandemik COVID-19, katanya.

Selain PKMS, kotak makanan sama turut disalur Yayasan Sime Darby kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan sebelum diagih kepada penerima atau asnaf memerlukan yang berdaftar



BANTUAN kotak makanan diserahkan kepada penerima secara terus di kawasan penempatan masing-masing. Sejumlah 30 penerima telah dibantu melalui inisiatif murni Yayasan Sime Darby itu.

dengan agensi itu.

Menurut Mohamad Asri, PKMS sentiasa terbuka dan bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak sama ada individu atau syarikat membantu golongan memerlukan malah tidak terhad hanya di Wangsa Maju sahaja, sebaliknya kawasan lain yang dirasakan perlu.

"Kami (PKMS) akan sedaya upaya bantu mereka yang memerlukan dan tidak hanya tumpu pada Wangsa Maju saja. Selain itu, PKMS juga dalam kerangka wujudkan kelas Al-Quran bagi mendidik kanak-kanak dan dewasa, *Insha-Allah* dalam sikit masa lagi untuk direalisasikan," katanya. **WK**

Hari Kebangsaan, penduduk harus pelihara keharmonian negara - Bashir

KHAIRUL IDIN

PENDUDUK di Pulau Labuan digesa untuk memelihara keharmonian dan kemenangan yang dikehendaki bagi menzahirkan rasa kesyukuran atas nikmat kemerdekaan yang dikehendaki selama 64 tahun," kata Ahli Dewan Negara **Senator Datuk Bashir Alias**.

Beliau berkata, sebagai umat Islam dan warganegara yang merdeka, rasa syukur itu perlu dizahirkan dengan memelihara keharmonian serta perpaduan rakyat majmuk berbilang kaum, bangsa, budaya, pegangan juga adat resam.

"Marilah kita bersyukur kerana telah dikurniakan nikmat kemerdekaan, keamanan, kesejahteraan dan kedamaian supaya nikmat itu berkekalan," katanya semasa merasmikan Majlis Doa Untuk Malaysia Sempena Hari Kebangsaan 2021 di Masjid Jamek An-Nur, pada Isnin.

Terdahulu, beliau turut menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada 13 agensi petugas barisan hadapan di Labuan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Rithuan Mohd Ismail,



MAJLIS DOA Untuk Malaysia Sempena Hari Kebangsaan 2021 di Masjid Jamek An-Nur yang dihadiri petugas barisan hadapan, wakil ketua masyarakat, dan kariah Masjid An Nur pada Isnin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Labuan Mohd Ibrahim Mohd Ghani, Pengurus Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan Md Fadzli Md Saad.

Dalam pada itu, Bashir yang juga merangkap Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan menyeru umat Islam untuk mengikuti kemerdekaan negara mengikut

ajaran serta cara yang dianjurkan agama.

"Sebagai umat Islam yang beriman, islah erti kemerdekaan ini dengan acuan Islam kerana Islam adalah agama yang memandu keseluruhan aspek kehidupan manusia baik daripada sekecil-kecil perkara hingga sebesar-besarnya perkara



BASHIR (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada petugas barisan hadapan sempena Sambutan Hari Kebangsaan di Majlis Doa Untuk Malaysia di Masjid An-Nur pada Isnin.

seperti kenegaraan serta pemerintahan," katanya lagi.

Bersesuaian dengan tema Sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini iaitu Malaysia Prihatin, Keprihatinan seluruh rakyat amat jelas kelihatan ketika ramai yang kehilangan ahli keluarga, terputus sumber pendapatan, hilang pekerjaan dan pelbagai dugaan

lain yang perlu dilalui dengan penuh kesabaran.

"Sifat prihatin perlu terus disemarakkan dalam kehidupan masyarakat agar setiap orang sentiasa cakna terhadap keselamatan antara satu sama lain sekali gus memulihkan semula negara daripada serangan COVID-19," katanya lagi. **WK**

Tuition Mission Putrajaya 2021 bantu pelajar B40 Putrajaya



AINI MAWAWI

DALAM kita berhadapan cabaran mengharungi pandemik COVID-19, tidak dinafikan, sektor pendidikan merupakan antara sektor yang menerima kesan yang agak ketara.

Ini kerana pandemik yang melanda itu mengakibatkan proses pengajaran dan pembelajaran secara fizikal tidak dapat dilaksanakan, seperti mana kelazimannya.

Untuk itu, bagi memastikan para pelajar tidak terus ketinggalan, Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Jabatan



MUHAMMAD AZMI

Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPPWP) mengambil inisiatif dengan menganjurkan Program Tuition Mission Putrajaya 2021.

Ia merupakan inisiatif baru di bawah Program Jati Diri yang dirancang sepenuhnya oleh Bahagian Perkhidmatan Komuniti

PPj yang dijadikan sebagai salah satu Program Kebajikan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Menurut Presiden PPj, **Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain**, tuisyen tersebut bagi membantu calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Putrajaya yang berlatar belakangkan keluarga B40 yang mana syarat-syarat lain ditetapkan oleh PPj dan JPPWP.

“Seramai 119 pelajar SPM telah terpilih bagi mengikuti program ini. Tuisyen ini bermula pada 28 Ogos 2021 sehingga Disember setiap minggu (Sabtu dan Ahad),” ujar beliau.

Kata beliau lagi, empat mata pelajaran yang menjadi keutamaan di dalam program ini adalah bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.

“Seramai 20 guru yang berpengalaman telah dilantik. Pengajuran program ini dilihat sangat tepat dan wajar dalam memastikan tiada pelajar yang kurang berkemampuan tercicir daripada menikmati akses kemudahan pendidikan yang baik,” kata beliau.

Di samping bermatlamatkan untuk mencapai keputusan yang



SESI perasmian program dilakukan secara atas talian baru-baru ini.

cemerlang dalam peperiksaan SPM, pengajuran program ini juga diharap dapat membantu mencungkil potensi diri pelajar ke arah kecermerlangan yang komprehensif sebagai persiapan diri dalam menghadapi cabaran di masa hadapan.

“Pihak PPj, JPWP dan juga guru-guru berharap agar pelajar yang turut serta menggunakan peluang ini untuk belajar bersungguh-sungguh agar beroleh keputusan cemerlang di dalam SPM,” ujar Azmi.

WK

Selamat Menyambut Ulang Tahun ke

TAHUN PENUBUHAN
PUTRAJAYA

29 OGOS 2021

Daripada
PERBADANAN PUTRAJAYA

#MalaysiaPrihatin #HKHM2021 #DemiNegara #MenangBersama #LindungDiriLindungSemua

www.ppj.gov.my Putrajaya perbadananputrajaya putrajayacorp

Atlet bola keranjang perlu lebih berjaga-jaga

Pui Yee waspada elak cedera

AINI MAWAWI

KEDEERAAN ketika bersukan adalah perkara biasa yang sering terjadi kepada atlet. Kebiasaan ia berlaku secara mengejut dan melibatkan regangan ligamen mahupun otot.

Selain disebabkan kemalangan, tidak dinafikan kecederaan juga turut dikaitkan dengan faktor kecuaian diri sendiri.

Bagi atlet bola keranjang Wilayah Persekutuan, **Chow Pui Yee**, langkah berjaga-jaga amat perlu dititikberatkan atlet sama ada ketika latihan mahupun pertandingan.

"Saya pernah cedera di lutut ketika sedang menyertai kejohanan SUKMA 2018. Kecederaan tersebut berlaku ketika saingan separuh akhir. Disebabkan itu juga, saya tidak dapat menyertai perlwanan akhir."

"Banyak bagaimana rasanya apabila tidak dapat turut serta pada saat yang ditunggu-tunggu. Walaupun sedih, namun saya terpaksa berundur kerana bimbang ia semakin mlarat," ceritanya.

Tambah atlet berusia 22 tahun ini lagi, dia mula dapat merasakan keadaan tidak selesa tersebut sebelum pertandingan lagi namun semangat yang ada dalam dirinya memaksa untuk dia mengendahkan rasa itu.

"Sepatutnya saya perlu lebih



memikirkan keadaan kesihatan diri kerana jika terus memaksa diri akhirnya ia akan membawa padah," ujarnya yang terpaksa cuti daripada sebarang aktiviti sukan selama satu tahun selepas itu.

Pui Yee turut menitipkan pesan kepada atlet mahupun sesiapa sahaja agar tidak memandang remeh kepentingan aktiviti pemanasan badan sebelum bersukan.

"Sentiasa memulakan rutin harian dengan memanaskan badan terlebih dahulu kerana ia penting



bagi mengelakkan kecederaan dan meningkatkan prestasi diri yang lebih optimum," kata bekas pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Confucian, Kuala Lumpur.

Berada di posisi penjaring, dia berhasrat untuk melayakkan diri ke Sukan SEA suatu hari nanti dan seterusnya membina kerjaya yang lebih kukuh dalam dunia sukan bola keranjang di Malaysia.

"Saya pasti dan yakin mampu bergelar atlet terbaik sedikit masa lagi. Disebabkan itu, saya sentiasa berusaha sebaik mungkin untuk mencapai hasrat tersebut," ujar atlet yang mempunyai ketinggian 163 sentimeter ini. WK

</div



MSWP serah bantuan berjumlah RM378,000, peka kesukaran atlet ►►23

Perjanjian usaha sama antara pemilik tanah dan pemaju PKB hanya pemudah cara

NAZWIN NAZRI

PERBADANAN Pembangunan Kampong Bharu (PKB) menerangkan bahawa pihaknya hanya berperanan sebagai pemudah cara antara pemilik rumah di Kampung Sungai Baru dengan pihak pemaju, Ritzy Gloss Sdn Bhd.

Malah, dakwaan Pengurus Persatuan Komuniti Sungai Baru, Syed Salehuddin Syed Abdullah yang dikeluarkan menerusi akhbar tempatan pada 30 Ogos lalu, adalah tidak benar berikutan pembangunan semula adalah inisiatif kerjasama pemaju dan penduduk setempat.

PKB menerusi kenyataan memaklumkan, pihaknya bertindak sebagai fasilitator bagi membantu melancarkan pelaksanaan pembangunan semula selaras fungsinya yang dinyatakan dalam Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (Akta 733).

"Peranan PKB adalah pemudahcara dan membantu sesi libat urus pemilik tanah, membantu penyelesaian isu harta pusaka dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), membantu proses penyempurnaan pindah milik strata, membantu perundingan isu-isu teknikal dan menguruskan pemantauan projek bersama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Perjanjian usaha sama tersebut adalah di antara pemilik tanah atau petak dengan pihak Ritzy Gloss Sdn Bhd. PKB tidak dirujuk di dalam mana-mana terma berkaitan perjanjian tersebut," jelasnya.

Oleh yang demikian, kata kenyataan itu, perjanjian tersebut merupakan perjanjian yang dipersetujui kedua-dua



PEMBANGUNAN semula Kampung Sungai Baru yang direncanakan adalah demi kepentingan penduduk.

pihak yang terlibat dimana PKB tiada sebarang kepentingan dan pengetahuan ke atasnya.

Mengulas lanjut, katanya, perwataan Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah, 1960 bagi projek berkenaan telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Persekutuan No. 9412 bertarikh 21 Jun 2021.

"Proses pengambilan tanah masih di peringkat siasatan JKPTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi lot atau petak yang terlibat dengan pengambilan tanah ini, bayaran pampasan yang munasabah dan mencukupi akan diberikan kepada pemilik dan pihak berkepentingan yang terlibat."

"Bayaran pampasan yang mencukupi adalah berdasarkan Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah, 1960 yang telah menggariskan prinsip-prinsip berhubung dengan penentuan pam-

pasan," maklum kenyataan itu.

Sehubungan itu, katanya, PKB berharap, projek pembangunan semula Sungai Baru menjadi antara projek perintis dalam memajukan dan membangunkan semula Kampung Baru.

Tambahnya, pada masa sama, me-naik taraf kehidupan pemilik-pemilik melalui harta tanah secara menyeluruh dan bersepada jangka panjang bagi memberi keselamaan kepada pemilik, menangani isu kemelesetan ekonomi, keusangan fizikal, tidak ekonomik dan memperbaiki persekitaran bandar.

Menerusi laporan akhbar yang diterbitkan itu, Syed Salehuddin menyatakan, perjanjian pembangunan semula Kampung Sungai Baru di Kampong Bharu samar dan berat sebelah antara punca 110 penduduk di kawasan itu menolak tawaran tersebut lima tahun lalu. **WK**



IZZUE bergambar bersama Pengasas Rumah Prihatin@GrandSeasons selpas majlis Kasih Merdeka@GrandSeasons pada Selasa.

Izzue Islam kagum semangat sukarelawan PriVo

DEEL ANJER

PELAKON Izzue Islam sangat mengagumi semangat waja para Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo) yang sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi rakyat.

Bagi Izzue atau nama sebenarnya Muhammad Izzul Islam Mazlan, 31, sikap yang ditonjolkan itu sangat bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan negara yang ke-64 iaitu Malaysia Prihatin.

"Mungkin dulu kita jarang dengar orang bercerita tentang kesanggupan anak-anak muda turun padang demi berkhidmat untuk rakyat."

"Sejak pandemik COVID-19 melanda negara, saya dapat lihat kesungguhan ahli PriVo dalam membantu masyarakat."

"Saya puji komitmen mereka kerana bukan semua orang boleh melakukannya," jelas Izzue ketika ditemui pada majlis KasihMerdeka@GrandSeasons yang diadakan secara virtual.

Izzue yang menjadi hos pada malam itu bersama wartawan Wilayahku, Ziera Halim, juga meluahkan rasa bertuah apabila dapat bertemu muka dengan pengasas PriVo iaitu Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri TPr Annuar Musa.

"Keprihatinan beliau (Annuar) terhadap rakyat tidak siapa yang boleh pertikaikan. Sudah banyak yang beliau usahakan untuk kepentingan rakyat seperti mewujudkan PriVo dan hotel kebajikan iaitu Rumah Prihatin."

"Sebelum ini saya pernah terlibat dalam sesi silaturahim bersama beliau di dalam Facebook, tidak sangka kali ini berpeluang jumpa depan-depan."

"Dalam perbualan kami, beliau menitipkan kata-kata semangat agar terus kuat dalam menempuh situasi mencabar ini."

"Apa yang istimewa, dia suka cara saya mengendalikan majlis pada malam itu. Ini sedikit sebanyak membuatkan saya mahu terus lakukan yang terbaik," ujar Izzue Islam lagi. **WK**

Imuniti kelompok: Terus patuhi SOP COVID-19

USAHA untuk mencerdaskan sektor ekonomi di ibu kota yang sebelum ini hampir terhenti kini menjadi keutamaan kepada kerajaan agar ia membantu rakyat untuk menjana pendapatan semula. Namun usaha tersebut tidaklah bermaksud kerajaan menggenepikan faktor kesihatan awam meskipun penularan wabak COVID-19 masih membengigu kehidupan warga kota.

Pengarah Majlis Keselamatan Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MKNWPKL) Azizah Mohamed Said berkata, meskipun imuniti berkelompok di Kuala



AZIZAH

Lumpur telah mencapai lebih 80 peratus dalam kalangan warga dewasa, pematuhan prosedur operasi standard (SOP) masih dikekalkan agar ia tidak menjelaskan keseluruhan perancangan kerajaan.

"Seperti yang kita sedia maklum, kerajaan telah membuat keputusan untuk memberikan memberikan kelonggaran terhadap pembukaan 11 sektor ekonomi di Kuala Lumpur adalah tertakluk dengan kawalan SOP kesihatan tambahan yang perlu dipatuhi oleh warga kota."

"Contohnya hanya beberapa kedai

di bawah sektor peruncitan seperti khidmat gunting rambut asas sahaja dibenarkan, menggalakkan hanya pelanggan yang lengkap dua dos suntikan vaksin COVID-19 dibenarkan untuk dine in atau makan di restoran dan sebagainya."

"Perkara ini dilihat amat wajar bukan sahaja bermatlamatkan untuk merancakkan semula sektor ekonomi negara, malahan ianya juga merupakan antara fokus utama Kerajaan untuk mengimbangi aspek kelangsungan hidup masyarakat yang terkesan sejak pandemik melanda seluruh dunia dan perkara ini disambut dengan baik oleh semua masyarakat," katanya kepada Wilayahku pada Rabu. **WK**